

DEWAN

NEGARA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' DR. MASHITAH BINTI IBRAHIM**
TARIKH : **9.12.2013**
SOALAN :

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana Kementerian memandang serius mengenai penguasaan Al-Quran membabitkan sekolah rendah dan menengah kebangsaan di negara ini. Nyatakan apakah kaedah yang digunakan selain J-Qaf dan nyatakan sejauh mana kejayaan J-Qaf sejak diperkenalkan mengenai keupayaan mereka menguasai bacaan Al-Quran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat memandang serius mengenai penguasaan al Quran dalam kalangan murid sekolah. Melalui Program j-QAF murid diajar dan dibimbing agar khatam al Quran pada peringkat sekolah rendah. Berdasarkan e-laporan Program j-QAF, seramai 278,538 (96.18%) murid tahun enam telah khatam al Quran pada tahun 2013.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi melihat kemajuan dan keberkesanan pelaksanaan Program j-QAF, KPM telah melaksanakan pemantauan secara berkala dan kajian bagi mendapat input pelaksanaan program j-QAF. Hasil pemantauan dan kajian yang dilaksanakan menunjukkan prestasi murid yang melalui program j-QAF adalah memberangsangkan.

Di samping itu, melalui Kurikulum Pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)/ Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) murid diajar kaedah membaca al-Quran dengan betul, bertajwid, lancar dan fasih. Murid juga dikehendaki menghafaz ayat-ayat al-Quran pilihan untuk diamalkan dalam solat dan amalan harian. Murid juga diajar kefahaman ayat-ayat al-Quran pilihan bagi mengukuhkan kefahaman dan amalan mereka dalam aspek akidah, ibadah dan akhlak.

Njm1

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. TUAN SAIFUL IZHAM BIN RAMLI**
TARIKH : **9.12.2013**

SOALAN:

Y.B. Tuan Saiful Izhaham bin Ramli minta **Menteri Pendidikan** menyatakan Bahawa adakah pihak Kerajaan sudah melaksanakan kajian terperinci sebelum melaksanakan Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah atau SPPBS sejak tahun 2012 dari segi tahap kebersediaan guru-guru dan lojistik sekolah, serta adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji semula pelaksanaan SPPBS ini memandangkan sejak dari pelaksanaan sistem ini, beban tugas guru menjadi semakin bertambah kerana memberikan lebih tumpuan kepada pengurusan pendidikan dan bukannya lebih kepada aspek pendidikan atau pengajaran teras itu sendiri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menjalankan rintis ke atas 550 buah sekolah rendah pada tahun 2009 untuk melihat kesesuaian Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) sebelum memperkenalkan PBS mulai tahun 2011. Dapatan rintis tersebut menunjukkan bahawa pihak pentadbir sekolah dan guru bersetuju PBS dilaksanakan dengan adanya bimbingan dan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi yang dipertingkatkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa membuat pemantauan, pengujian talian dan melaksanakan beberapa proses pengoptimasian berkaitan isu *auto logout*, capaian yang perlahan dan server *error* yang berlaku. Pengurangan bilangan *evidens* bagi beberapa mata pelajaran tertentu dan penambahbaikan terhadap paparan, kapasiti dan kepenggunaan yang lebih mesra pengguna telah pun dilaksanakan mulai Jun 2013.

KPM akan sentiasa mengambil langkah-langkah penambahbaikan aplikasi SPPBS secara menyeluruh untuk mencapai objektif pelaksanaan PBS. Langkah-langkah penambahbaikan yang sedang dilaksanakan oleh KPM untuk memberikan pengalaman penggunaan yang lebih berkesan adalah:

- a) Penambahbaikan sistem, akses dan kapasiti bagi memastikan kelancaran mengakses oleh pengguna.
- b) Meningkatkan kapasiti mengakses SPPBS dengan menaik taraf infrastruktur *hosting* dengan spesifikasi yang lebih baik untuk meningkatkan kualiti akses terhadap aplikasi SPPBS.
- c) Modul SPPBS yang dicadangkan akan menggunakan pendekatan *service oriented architecture web service* yang menggunakan teknologi web terkini serta tidak bersifat *browser and device dependent*.
- d) Pembangunan modul PBS dalam Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) bersama-sama dengan proses migrasi data SPPBS sedia ada untuk digunakan mulai 1 April 2014.

Njm2

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. DATUK MEGAT ZULKARNAIN BIN TAN SRI OMARDIN**

TARIKH : **9.12.2013**

SOALAN :

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omarkin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kesediaan semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) membuat perubahan kurikulum serta modul pengajian supaya menepati kehendak majikan dan pasaran kerja dalam industri bagi memudahkan para graduan mendapat pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan kecemerlangan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) agar dapat melahirkan graduan yang berkualiti bagi memenuhi keperluan negara dan antarabangsa. Semakan kurikulum program akademik IPTA merupakan suatu proses yang berterusan dan dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi setiap bidang pengajian berdasarkan perkembangan terkini bidang tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Agency*, MQA) dan badan-badan profesional yang berkaitan mewajibkan kesemua program akademik yang ditawarkan di IPTA perlu mengamalkan proses Pendidikan Berasaskan Hasil (*Outcome-Based Education*, OBE) serta menerapkan elemen-elemen Kemahiran Insaniah (KI) bagi memenuhi sebahagian daripada kriteria utama akreditasi program. Bagi merealisasikan hasrat ini, Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Framework*, MQF) telah dibangunkan sebagai instrumen kawalan dan jaminan kualiti sesebuah program akademik dan bermula tahun 2010 kurikulum semua program akademik sedia ada dan baharu telah disemak semula dan dibangunkan bagi memenuhi keperluan MQF secara menyeluruh.

Kementerian juga telah mengambil langkah dengan mewajibkan supaya setiap IPTA menjalankan kajian pasaran guna tenaga terhadap program akademik yang hendak ditawarkan sebelum ianya diluluskan. Ini merangkumi peluang pekerjaan di sektor awam dan swasta mengikut permintaan dalam pasaran semasa dan prospek jangka panjang.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATUK DR. LUCAS UMBUL**
TARIKH : **9.12.2013**
SOALAN :

Datuk Dr. Lucas Umbul minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pelan perancangan Kementerian untuk menambah bilangan sekolah teknik dan vokasional di sekolah-sekolah luar bandar negeri Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menyediakan Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional meliputi seluruh negara termasuklah di negeri Sabah. Setakat ini sebanyak tujuh (7) buah Sekolah Menengah Vokasional yang telah dinaiktaraf menjadi Kolej Vokasional (KV) di Sabah meliputi kawasan bandar dan luar bandar iaitu KV Kudat, KV Keningau, KV Sandakan, KV Lahad Datu, KV Tawau, KV Likas, dan KV Beaufort. Selain daripada itu, mata pelajaran vokasional juga diajar di 63 buah sekolah menengah harian di negeri Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga melaksanakan pelbagai usaha untuk menambah bilangan pelajar Program KV di Institut Latihan Kemahiran Awam dan Swasta di Sabah. Sehingga kini, Program KV KPM di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Sandakan dan Kota Kinabalu telah dilaksanakan hasil kolaborasi bersama Kementerian Sumber Manusia. Pada masa yang sama, terdapat dua (2) buah politeknik di negeri Sabah iaitu Politeknik Kota Kinabalu, dan Politeknik Sandakan dengan jumlah pelajar seramai 4,028 orang.

Njm4

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. TUAN CHIEW LIAN KENG**
TARIKH : **9.12.2013**
SOALAN :

Tuan Chiew Lian Keng minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai pelan tindakan bersama Kementerian Pendidikan dalam membantu pelajar yang tidak berminat terhadap akademik supaya dapat bertukar ke sekolah vokasional selepas tingkatan 3 di sekolah menengah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan program laluan alternatif kepada pelajar-pelajar yang berminat dalam aliran vokasional dan kemahiran iaitu para pelajar yang berumur 13 tahun (lepasan Ujian Penilaian Sekolah Rendah - UPSR) untuk mengikuti program Pendidikan Asas Vokasional (PAV) dan para pelajar berumur yang 16 tahun (lepasan PMR) untuk memasuki Kolej Vokasional. Selain daripada itu, KPM juga menyediakan program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) secara '*block release*' iaitu tiga (3) bulan di Kolej Vokasional KPM dan enam (6) bulan di industri. Pelajar yang mengikuti program SLDN ini akan dianugerahkan dengan sijil kemahiran. Melalui sistem ini kebanyakan pelajar terus ditawarkan pekerjaan di industri berkenaan dengan gaji yang lumayan.

Njm5

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' BOON SOM A/L INONG**
TARIKH : **9.12.2013**
SOALAN :

Dato' Boon Som a/l Inong minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kementerian Pendidikan akan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Siam di sekolah-sekolah yang mempunyai ramai pelajar-pelajar berketurunan Siam. Apakah langkah-langkah yang telah dilakukan ke arah merealisasikan hasrat berkenaan setelah diumumkan oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin Timbalan Perdana Menteri Merangkap Menteri Pendidikan pada 16-2-2013 ketika beliau membuat perjumpaan dengan 20,000 masyarakat Siam di Wat Naka, Padang Terap, Kedah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang meneliti secara serius keperluan dan kebolehlaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Siam di sekolah-sekolah yang mempunyai ramai murid berketurunan Siam. Berdasarkan dasar sedia ada KPM, pertimbangan bagi menawarkan kelas bahasa tersebut perlu mengambil kira faktor sokongan daripada YAB Menteri Pendidikan, keupayaan kewangan, keupayaan dalam aspek kapasiti profesional dan keupayaan pengoperasian, termasuk adanya *corpus* sistem bahasa tersebut seperti adanya kamus, buku sistem bahasa dan bahan bacaan untuk dijadikan bahan rujukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pentadbir sekolah diberi kelonggaran untuk menjalankan apa juga kegiatan kelab dan persatuan yang difikirkan wajar dan perlu untuk melengkapkan pendidikan anak-anak di bangku sekolah. Ini dinyatakan dalam Akta 550 Peraturan-Peraturan Pendidikan 1998, iaitu "apa-apa persatuan lain yang diluluskan oleh pendaftar". Ini bermakna sekolah boleh memilih untuk menubuhkan Persatuan Bahasa Siam di bawah Kelab dan Persatuan sebagai salah satu aktiviti kokurikulum jika terdapat permintaan dan keperluan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. PUAN CHEW LEE GIOK**
TARIKH : **9.12.2013**
SOALAN :

Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah institusi pendidikan tinggi berstatus universiti dan universiti kolej, berapa awam dan berapa swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, terdapat sebanyak 20 buah institusi pengajian tinggi awam, 32 buah politeknik dan 86 buah kolej komuniti di seluruh negeri. Manakala, bagi institusi pengajian tinggi swasta yang aktif berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia sehingga 31 Oktober 2013 adalah sebanyak 520 buah termasuk kampus cawangan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 59 buah IPTS bertaraf universiti, 30 buah kolej universiti, 422 buah kolej dan 9 buah kampus cawangan luar negara.

Njm7

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATUK SUBRAMANIAM A/L VERUTHASALAM**
TARIKH : **9.12.2013**
SOALAN :

Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa permohonan visa dan insurans untuk pelajar luar negara diberikan kepada satu syarikat sebagai monopoli, yang mengenakan yuran yang amat tinggi, serta mengambil masa yang terlalu lama untuk memproses semua permohonan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan Education Malaysia Global Services (EMGS) iaitu sebuah Syarikat Berhad Mengikut Jaminan (SBMJ- *Guaranteed Limited Company* yang bukan berasaskan keuntungan dan diletakkan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). EMGS berfungsi sebagai satu pusat sehenti bagi pemprosesan kemasukan pelajar antarabangsa ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia di samping membantu untuk mempergiatkan lagi penglibatan Malaysia di bidang pemasaran pendidikan di peringkat antarabangsa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilihan syarikat insurans telah dibuat oleh Jawatankuasa Penilai yang dilantik berdasarkan pertimbangan berikut:

- a) Kelayakan dan pengalaman syarikat; dan
- b) Harga/premium serta terma dan syarat pakej perlindungan insurans yang ditawarkan oleh syarikat.

Perlu dijelaskan bahawa yuran perkhidmatan yang dikenakan kepada institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) bagi urusan kemasukan pelajar antarabangsa ke Malaysia adalah secara "*one-off*" dan kajian serta perbandingan telah dibuat dengan negara-negara pengeksport pendidikan utama yang lain dan didapati ianya adalah sangat kompetitif. Yuran yang dikenakan sebenarnya telah memberi implikasi yang sangat baik dan jelas bagi menentukan hanya pelajar antarabangsa yang benar-benar tulen dan berkualiti sahaja dibenarkan mengikuti pengajian di sini.

Walaupun pada permulaan pengoperasian EMGS dalam urusan kemasukan pelajar antarabangsa khususnya dari segi pemprosesan pas pelajar didapati mengambil masa yang agak lama, namun rekod dan data masih menunjukkan ianya lebih baik daripada sebelum penubuhan EMGS. Walau bagaimanapun, sejak tiga (3) bulan kebelakangan ini, dengan kerjasama dan komitmen Jabatan Imigresen Malaysia telah menunjukkan tempoh pemprosesan permohonan baru pas pelajar hanya mengambil masa kurang dari 14 hari bekerja secara purata.

Njm8

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. TUAN LIHAN JOK**
TARIKH : **9.12.2013**
SOALAN :

Tuan Lihan Jok minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rasional dan konsep Sekolah Dalam Hospital (SDH) yang baru-baru diperkenalkan oleh Kerajaan, dan apakah bezanya SDH jika dibanding dengan sekolah biasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kanak-kanak yang sedang menerima rawatan di hospital terutama bagi tempoh yang lama akan terus diberikan hak untuk mendapat pendidikan secara formal melalui program **Sekolah Dalam Hospital (SDH)**. Program SDH ini direalisasikan melalui hasil kerjasama erat di antara Yayasan Nurul Yaqeen, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan.

Objektif pelaksanaannya adalah bagi memastikan pembelajaran murid tidak terjejas ketika berada di wad, tidak tercacir dalam pelajaran dan terus dipelihara selaras dengan matlamat *Education for All*. Menerusi pendekatan pembelajaran yang agak berbeza daripada sekolah biasa, Sekolah Dalam Hospital adalah berorientasikan pendekatan didik hibur (*fun learning*) dan fleksibel dalam persekitaran yang kondusif, sekaligus membantu menghilangkan rasa bosan murid apabila perlu mendapat rawatan dalam tempoh yang lama di hospital.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM bertanggungjawab menyediakan tenaga pengajar (guru) dan peruntukan mengurus tahunan sementara Kementerian Kesihatan bertanggungjawab menyediakan ruang pembelajaran yang mencukupi dan sesuai bagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran, manakala Yayasan Nurul Yaqeen bertanggungjawab menyediakan reka bentuk peralatan, perabot dan alat-alat bantuan yang lain seperti komputer riba dan *intective software*, dan bahan bacaan tambahan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan SDH yang menggunakan kaedah *Blue Ocean Strategy* telah mula diperkenalkan pada Julai 2011 dengan pembukaan tiga (3) buah SDH di tiga (3) buah hospital iaitu Kuala Lumpur, Ampang dan Serdang. Sehingga kini terdapat lapan (8) buah SDH dan 2 buah SDH lagi akan dibuka pada penghujung tahun 2013 yang dijangka beroperasi sepenuhnya pada Januari 2014.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATUK HAJAH NORIAH BINTI MAHAT**
TARIKH : **9.12.2013**
SOALAN :

Datuk Hajah Noriah binti Mahat minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jaminan terhadap pelajar-pelajar yang mengikut aliran vokasional mendapat kemahiran yang sepatutnya, diiktirafnya sijil, kebolehpasaran dan mendapat tempat untuk meneruskan pengajiannya ke peringkat yang lebih tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Transformasi Pendidikan Vokasional yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak tahun 2012 telah mendapat pandangan semua pihak termasuk masyarakat dan rakan industri yang memberi jaminan dan pengiktirafan yang sewajarnya. Pada masa kini, Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) telah disusun semula dengan mengandungi 70 peratus latihan kemahiran dan 30 peratus pendidikan akademik umum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kolej Vokasional (KV) menawarkan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan. Diploma ini diiktiraf dan diakreditasi untuk mendapatkan kredit di bawah standard kebangsaan yang diperkenalkan oleh Malaysia Accreditation Qualification (MQA). Memandangkan kurikulum asas KV ialah *National Occupancy Skills Standard (NOSS)*, ditambah dengan pelbagai kemahiran mengikut keperluan industri seperti *Employability skills, Production Based Education, School Enterprise* dan *On The Job Training*.

Bagi program Kolej Vokasional, semua KV akan memohon pengiktirafan MQA untuk membolehkan graduan KV melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi atau bekerja di industri dengan pendapatan yang tinggi atau menjadi usahawan seperti mana objektif utama penubuhan KV. Setakat ini, data menunjukkan 80% graduan lepasan vokasional Institut Latihan Perindustrian (ILP) memperoleh pekerjaan. Manakala ujian rintis KPM terhadap graduan vokasional dan kemahiran menunjukkan 95% mendapat pekerjaan dengan gaji asas yang tinggi.

Njm10

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' LIM NGET YOON**
TARIKH : **9.12.2013**
SOALAN :

Dato' Lim Nget Yoon minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kriteria digunakan untuk menyenaraikan sesebuah sekolah sebagai 'High Performance School'.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kriteria untuk pengiktirafan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) adalah sekolah yang berada dalam Band Satu (1) berdasarkan skor komposit yang mengambil kira Gred Purata Sekolah (GPS) dan keputusan Penarafan Kendiri Sekolah (PKS) berdasarkan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM). Syarat generik untuk pengiktirafan sebagai SBT adalah seperti berikut:

- a) SKPM sekurang-kurangnya 90 peratus dalam tahun semasa;
- b) pencapaian akademik menunjukkan trend menaik bermula dengan TOV sekurang-kurangnya 80 peratus murid lulus dalam setiap peperiksaan awam. Manakala, GPS dalam semua peperiksaan awam meningkat/kekal pada tahap cemerlang;
- c) pernah menerima anugerah kecemerlangan kurikulum dan kokurikulum pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam tempoh tiga (3) tahun terakhir;
- d) tiada audit berteguran dalam tempoh tiga (3) tahun terakhir;
- e) sekolah mempunyai jaringan (*networking*) dan jalinan (*linkages*) pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa; dan
- f) tiada tindakan tatatertib dan pelanggaran punca kuasa (Perintah Am Bab D) dalam kalangan warga sekolah untuk tempoh tiga (3) tahun terakhir.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah melaksanakan inisiatif program *handholding* iaitu memberi bimbingan secara holistik berdasarkan kepada instrumen Annex untuk membantu sekolah-sekolah Band 1 yang berpotensi untuk menjadi SBT agar sasaran untuk mencapai 100 SBT pada akhir tahun 2012 tercapai.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' HAJI MUHAMAD YUSOF BIN HUSIN**
TARIKH : **9.12.2013**
SOALAN :

Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pada masa sekarang berapakah jumlah kanak-kanak yang menyertai Prasekolah seluruh negara dan apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan untuk menambah bilangan tersebut untuk menjadikan Pendidikan Prasekolah Malaysia ke tahap berprestasi tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, bilangan kanak-kanak yang berdaftar dan direkodkan adalah seramai 788,075 orang yang melibatkan kohort umur 4+ (2008) dan 5+ (2007) iaitu sebanyak 81.06 peratus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah berusaha untuk meningkatkan penyertaan kanak-kanak ke pendidikan prasekolah, di antaranya:

- a) Kempen kesedaran kepentingan pendidikan prasekolah;
- b) Memperbanyakkan pembukaan pusat-pusat pendidikan prasekolah terutamanya melibatkan pengusaha swasta;
- c) Insentif pembiayaan yang disediakan oleh Kerajaan berbentuk geran permulaan sebanyak RM10,000 atau RM20,000 bagi pembukaan tadika swasta baru yang layak; dan
- d) Bantuan yuran juga diberikan kepada murid-murid prasekolah swasta yang layak dengan jumlah maksimumnya sebanyak RM150.00.

Njm12

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DR. SYED HUSIN ALI**
TARIKH : **10.12.2013**
SOALAN :

Dr. Syed Husin Ali minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada yuran pengajian tinggi akan dikurangkan sebagai langkah untuk membantu pelajar menghadapi peningkatan kos sara hidup.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut amalan semasa, kadar yuran di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) ditetapkan berdasarkan faktor-faktor ekuiti sosial untuk meluaskan akses kepada masyarakat dan bukan berdasarkan prinsip *cost recovery*. Penetapan yuran dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk kos langsung dan tidak langsung, nilai sepadan pelajar sepenuh masa, nisbah tenaga pengajar/pelajar, mod kerja kursus atau penyelidikan, daya saing dan sebagainya. Malah, terdapat IPTA yang menetapkan yuran pengajian berdasarkan semester/pakej dan ada juga berdasarkan jam/kredit unit yang diambil. Pada masa ini yuran pengajian peringkat ijazah sarjana muda di IPTA ditanggung oleh Kerajaan sebanyak 85 hingga 90 peratus bertujuan meringankan beban rakyat yang melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi.

Kerajaan berpendapat bahawa kadar yuran sekarang adalah munasabah dan kadar tidak dinaikkan sejak beberapa tahun yang lalu. Pada masa yang sama IPTA digalakkan untuk mempelbagaikan sumber pendapatan dalaman seperti *endowmen* atau wakaf, supaya dapat membantu menyediakan lebih banyak bantuan kewangan kepada pelajarannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha ke arah mengawal selia institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) supaya mampu memberikan perkhidmatan pendidikan tinggi yang berkualiti dengan penganan yuran yang berpatutan. Semua IPTS yang ditubuhkan di negara ini dikawal dan ditadbir urus mengikut Akta Pendidikan Swasta 1996 (Akta 555) termasuklah kadar yuran yang dikenakan oleh IPTS kepada pelajar-pelajarnya. IPTS tidak boleh mengenakan yuran kepada pelajar melebihi dari kadar yang telah diluluskan oleh KPM.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB TUAN SAIFUL IZHAM BIN RAMLI**
TARIKH : **10.12.2013**
SOALAN :

Tuan Saiful Izhah bin Ramli minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan untuk membayar konsultan atau juruperunding yang diberikan tugas menyiapkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 serta siapakah juru perunding yang telah diberikan tugas tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penggubalan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 merupakan satu program transformasi untuk meningkatkan lagi sistem pendidikan negara supaya setanding dengan negara maju. Dalam konteks ini, kepakaran dan kemahiran sama ada di peringkat tempatan dan antarabangsa amat diperlukan bagi membantu merangka pelan pendidikan yang boleh dilaksanakan dan direalisasikan. Justeru, rasional penglibatan kepakaran tempatan dan antarabangsa adalah untuk memastikan polisi yang digubal dan dirancang dapat dilaksanakan secara sistematik, berkualiti dan mempunyai impak yang signifikan kepada pendidikan negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilihan syarikat McKinsey & Company dan pembayaran yang dibuat telah mengambil kira pengalaman luas syarikat tersebut dalam bidang pendidikan, di mana dalam tempoh lima (5) tahun yang lepas, mereka berupaya melaksanakan lebih daripada 400 projek pendidikan di lebih 60 negara. Mereka juga mempunyai lebih 70 pakar runding yang melaksanakan projek pendidikan di seluruh dunia, dan sebahagian besar daripada mereka pernah berkhidmat sebagai guru, penggubal dasar pendidikan, pemimpin institusi pendidikan, penyelidik dan usahawan dalam bidang pendidikan. Syarikat ini telah menerbitkan laporan-laporan penting dalam pendidikan termasuk "*How the World's Most Improved School Systems Keep Getting Better*". Pemilihan Syarikat ini juga melalui proses perolehan yang kompetitif mengikut prosedur kerajaan yang ditetapkan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DR. ARIFFIN BIN S.M. OMAR**
TARIKH : **10.12.2013**
SOALAN :

Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa pengubahsuaian di Perpustakaan Hamzah Sendut di Universiti Sains Malaysia telah mengambil masa yang terlalu lama untuk disempurnakan dan ini telah menimbulkan pelbagai masalah di kalangan kakitangan dan pelajar Universiti serta menjejaskan kedudukan Universiti ini sebagai sebuah Universiti APEX.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerja-kerja pengubahsuaian dan naik taraf Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia (USM) telah bermula pada 14 November 2012, iaitu tarikh permulaan kontrak dan tarikh dijangka siap ialah pada 15 Oktober 2013 dengan tempoh kontrak selama 48 minggu. Walau bagaimanapun berdasarkan kepada sebab-sebab seperti yang terdapat dalam kontrak, pihak kontraktor telah diberi lanjutan tempoh selama 40 hari. Dengan ini tarikh siap kerja yang baru adalah pada 24 November 2013.

Setakat ini kerja-kerja pengubahsuaian bangunan berada di peringkat akhir, dan dijangka siap sepenuhnya pada 6 Disember 2013. Pelaksanaan kerja dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bagi meminimumkan gangguan perkhidmatan perpustakaan kepada pelajar dan staf.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh tersebut pihak perpustakaan masih memberi perkhidmatan seperti biasa kepada pengguna bagi mendapatkan bahan perpustakaan. Pengguna hanya tidak dibenarkan masuk ke tingkat di mana kerja-kerja pengubahsuaian sedang dijalankan atas faktor keselamatan.

Kedudukan Universiti Sains Malaysia sebagai Universiti APEX tidak terjejas dengan pengubahsuaian pembinaan Perpustakaan Hamzah Sendut. Keputusan pemilihan Universiti APEX tidak berpandukan semata-mata kepada kemudahan fasiliti. Penilaian Universiti APEX adalah berdasarkan kepada tiga (3) kriteria iaitu;

- a) Kebersediaan (*state of readiness*) sesebuah institusi untuk menjalankan lonjakan ke arah kecemerlangan;
- b) Pelan transformasi – cara institusi merancang untuk menentukan masa depannya supaya dapat bersaing dan berada di tangga terbaik dunia; dan
- c) Kebersediaan untuk berubah (*preparedness for change*)- penentuan arah dan perancangan yang strategik, menggunakan pendekatan pembangunan secara luar biasa memerlukan institusi mencari dan mengenal pasti cara baharu untuk memacu pertumbuhan yang cepat dalam keadaan luar biasa

Njm15

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATO' DR. JOHARI BIN MAT**
TARIKH : **10.12.2013**
SOALAN :

Dato' Dr. Johari bin Mat minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah pencapaian prestasi akademik pelajar-pelajar kadet UPNM dalam memenuhi kehendak Kementerian Pengajian Tinggi dan dalam masa yang sama mematuhi arahan Kementerian Pertahanan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) sentiasa memastikan kualiti mahasiswa yang dilahirkan berada pada tahap optimum. Semua pelajar pegawai kadet UPNM diwajibkan mendapat kedudukan yang baik dalam akademik dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 2.00 ke atas sepanjang mengikuti pengajian. Mereka juga perlu lulus dengan cemerlang di dalam ujian dan latihan ketenteraan yang ditetapkan oleh Kementerian Pertahanan Malaysia sebelum layak ditauliahkan sebagai pegawai tentera berpangkat Leftenan Muda atau Setaraf oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencapaian prestasi akademik pegawai kadet UPNM berada pada tahap yang boleh dibanggakan. Secara khusus, pada aspek prestasi akademik pegawai kadet UPNM, pencapaian tahun 2007 hingga 2012 memperlihatkan lebih 90 peratus pegawai kadet berada dalam kedudukan yang baik pada setiap semester. Manakala lebih tujuh (7) peratus pegawai kadet memperoleh PNGK 3.50 ke atas dan menerima Anugerah Dekan.

Dalam masa yang sama Akademi Latihan Ketenteraan (ALK), sebuah entiti di bawah kuasa Kementerian Pertahanan Malaysia berperanan memberi dan mengurus aspek-aspek latihan, regimental dan ilmu ketenteraan kepada pegawai kadet UPNM. ALK telah berjaya menyelia sepenuhnya pegawai kadet untuk memastikan pegawai kadet mematuhi Akta Angkatan Tentera, 1972 serta keperluan-keperluan lain yang ditetapkan oleh Kementerian Pertahanan Malaysia.

Njm16

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB TUAN CHANDRA MOHAN A/L S. THAMBIRAJAH**
TARIKH : **10.12.2013**
SOALAN :

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kadar pencapaian usaha meningkat nisbah enrolmen pendidikan rendah dan kadar penamatan pendidikan dan langkah-langkah yang akan diambil untuk mencapai matlamat yang ditetapkan oleh UNESCO di bawah Agenda EFA (Education For All) dan MDG (Millennium Development Goals) terutama sekali di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan enrolmen murid peringkat rendah di sekolah. Berdasarkan data KPM, kadar purata enrolmen murid di sekolah rendah pada tahun 2012 adalah 76.42 peratus. Manakala kadar purata enrolmen murid di sekolah menengah pada tahun 2012 adalah 90.18 peratus. *Survival rate* murid sekolah rendah kohort murid Tahun 1 pada tahun 2007 ke Tahun 6 pada tahun 2012 adalah 98.6 peratus.

Langkah-langkah yang diambil untuk mencapai matlamat di bawah agenda *Education For All* (EFA) terutamanya adalah seperti berikut:

- a) KPM menyediakan kemudahan asrama bagi murid sekolah rendah rendah.
- b) KPM menubuhkan Sekolah Model Khas Komprehensif (K9). Sehingga 2013 terdapat 5 buah Sekolah K9. Dua (2) buah lagi dijangka siap pada tahun 2014 iaitu:
 - 1) SK Bukit Kemandol, Kuala Langat, Selangor (Inisiatif Pelan transformasi Pendidikan Orang Asli)
 - 2) SK Pekan Pensiangan Nabawan, Sabah (Inisiatif Pelan Transformasi Pendidikan Sekolah Pendalaman Sabah dan Sarawak)
- c) Penubuhan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih, Kuala Lumpur yang memberi akses pendidikan kepada kanak-kanak jalanan di sekitar Kuala Lumpur.

- d) KPM juga sedang bekerjasama dengan agensi kerajaan lain seperti Majlis Keselamatan Negara, Angkatan Tentera Malaysia dan Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) iaitu UNICEF dan Yayasan Guru Malaysia Berhad memberi Pendidikan Alternatif kepada kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan di negeri Sabah.
- e) KPM juga bekerjasama membantu melatih guru-guru di Pusat Bimbingan HUMANA, Sabah yang khusus memberi Pendidikan Alternatif kepada anak-anak pekerja ladang di pedalaman Sabah.
- f) KPM juga sedang dalam proses menghasilkan satu garis panduan untuk menyelaraskan semua pusat pembelajaran alternatif di negara ini. Ini adalah selaras dengan kenyataan Menteri Pendidikan pada 20 Julai 2010 bahawa kerajaan akan memastikan semua kanak-kanak tanpa dokumen akan diberi pendidikan selaras dengan prinsip memastikan pendidikan untuk semua kanak-kanak tanpa mengira agama, kaum atau lokasi

Njm17

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB TUAN CHIEW LIAN KENG**
TARIKH : **10.12.2013**
SOALAN :

Tuan Chiew Lian Keng minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai hasrat untuk meneruskan pemberian diskaun terhadap pelajar yang memulangkan hutang PTPTN secara berkala dan berapakah orang serta jumlah hutang yang berjaya dilangsaikan sejak pengenalan diskaun ini di Bajet 2013.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah bersetuju untuk memberikan diskaun sebanyak 20 peratus bagi peminjam yang melangsaikan hutang pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mereka secara sekali gus dalam tempoh 1 Oktober 2012 hingga 30 September 2013 semasa pembentangan Bajet 2013. Tawaran diskaun 20 peratus untuk pembayaran penuh pinjaman PTPTN itu telah berakhir pada 30 September 2013 yang lalu. Walau bagaimanapun, pemberian diskaun 10 peratus kepada mereka yang membayar pinjaman secara konsisten selama 12 bulan berturut-turut mengikut jadual masih diteruskan sehingga kini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh 1 Oktober 2012 hingga 30 September 2013, seramai 79,134 peminjam telah membuat penyelesaian hutang bernilai RM 606.56 juta dan menikmati diskaun 20 peratus berjumlah RM151.64 juta. Manakala, sehingga 31 Oktober 2013, seramai 12,922 peminjam telah membuat bayaran balik secara konsisten berjumlah RM16.90 juta dan layak menikmati diskaun 10 peratus berjumlah RM1.69 juta.

Njm18

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATO' SYED IBRAHIM BIN KADER**
TARIKH : **10.12.2013**
SOALAN :

Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan walaupun Malaysia telah menjadi hub pendidikan bagi pelajar antarabangsa tetapi mutu dan kedudukan Universiti Awam di Malaysia jauh ketinggalan di persada Universiti ternama dunia. Apakah langkah Kementerian untuk menjadikan Universiti Awam di Malaysia berada sekurang-kurangnya di antara 100 universiti terbaik di dunia

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), masih mensasarkan sekurang-kurangnya tiga (3) universiti tempatan diiktiraf di antara 100 terbaik dunia dan satu daripadanya di antara 50 universiti terbaik dunia menjelang 2020. Dalam usaha meningkatkan prestasi institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan di samping meningkatkan kedudukan dalam ranking dunia, pelbagai usaha telah dan sedang diambil oleh Kementerian. Antaranya:

- a) pengiktirafan Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sebagai Universiti Penyelidikan. Dengan pengiktirafan ini, kelima-lima IPTA tersebut akan mempergiatkan lagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pengkomersialan dan inovasi;
- b) pada tahun 2010, Kementerian telah mengiktiraf enam (6) Pusat Kecemerlangan di IPTA sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HiCOE) untuk melaksanakan penyelidikan kolaborasi dan kepakaran serta menghasilkan penerbitan berimpak tinggi bagi melonjakkan pencapaian masing-masing di peringkat antarabangsa;
- c) pemberian autonomi kepada tujuh (7) institusi pengajian tinggi awam (IPTA) iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) berdasarkan *Code of Good Governance* (CUGG);

- d) membangunkan *Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA)* dan audit institusi menggunakan *Code of Practice for Institutional Audit (COPIA)*;
- e) melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Framework, MQF*); dan
- f) peruntukan sebanyak RM600 juta kepada lima (5) buah universiti penyelidikan bagi menjalankan penyelidikan berimpak tinggi dalam bidang strategik seperti nano teknologi, automatif, bio-teknologi dan aero-angkasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) juga melaksanakan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) yang merupakan satu penilaian penarafan untuk mengukur kualiti, kebertanggungjawaban serta prestasi Pemberi Pengajian Tinggi (PPT). Dapatan dari SETARA akan digunakan untuk membuat perbandingan pencapaian antara PPT. Domain serta kaedah penilaian yang digunakan dalam SETARA juga bersesuaian dengan aplikasi dan persekitaran yang digunakan oleh PPT tempatan yang dinilai. Ini akan mewujudkan satu persaingan yang sihat antara PPT di Malaysia dan mampu mengenal pasti setiap kelemahan yang ada. Pelaksanaan SETARA juga membolehkan sebarang penambahbaikan setiap kelemahan dapat dibuat.

Dengan adanya usaha-usaha berterusan yang telah dirangka oleh Kementerian untuk memperkasakan kualiti, serta kesedaran IPT tentang prestasi masing-masing, ia mampu menjadi pemangkin di dalam merealisasikan aspirasi negara sebagai hab pendidikan antarabangsa dan sekaligus menjana kualiti pendidikan tinggi dan mampu meningkatkan kedudukan IPT tempatan dalam kelompok yang terbaik di dunia.

Njm19

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR**
TARIKH : **10.12.2013**
SOALAN :

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian akan mengkaji dan menilai semula Skim Gaji Perkhidmatan Pensyarah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang ternyata telah ketinggalan jika dibandingkan dengan penjawat awam yang lain; dan
- (b) apakah perancangan Kementerian dalam usaha memastikan bilangan pensyarah universiti yang berkualiti dan mencakupi sesuai dengan pelan pendidikan nasional yang baru diperkenalkan sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sejak tahun 2000 gaji penjawat awam yang juga melibatkan skim perkhidmatan pensyarah universiti telah dikaji semula dan dinaikkan sebanyak enam (6) kali seperti berikut:-
 - 1) Kenaikan gaji sebanyak 10 peratus telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2000 & 2002;
 - 2) Kerajaan telah memperkenalkan Sistem Saraan Malaysia (SSM) bagi menggantikan Sistem Saraan Baru (SSB) pada 1 November 2002. Sebagai ganjaran, Kerajaan telah memberikan peningkatan mata gaji kepada semua penjawat awam mengikut kumpulan perkhidmatan termasuk pensyarah;
 - 3) berkuat kuasa pada 1 Julai 2007, Kerajaan telah memberi kenaikan gaji kepada pegawai perkhidmatan awam persekutuan mengikut gred jawatan dan kumpulan perkhidmatan;
 - 4) pada tahun 2012, Kerajaan menaikkan gaji penjawat awam seiring dengan hasrat Kerajaan untuk membuat transformasi perkhidmatan awam yang turut melibatkan penambahbaikan/pindaan terhadap Skim Perkhidmatan

Pensyarah Perubatan dan Pensyarah Pergigian melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2012;

- 5) berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013, Kerajaan telah membuat penambahbaikan jadual gaji minimum maksimum bagi pegawai perkhidmatan persekutuan.

Mengikut Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti, Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian dan Pensyarah di Universiti Teknologi Mara yang berkuat kuasa mulai 1 September 2010 sebenarnya telah menyediakan satu pakej perkhidmatan yang menarik berbanding dengan skim-skim perkhidmatan lain dalam Perkhidmatan Awam.

Usaha-usaha penambahbaikan dari segi kemajuan kerjaya dan saraan tenaga akademik sentiasa dibuat manakala pihak kerajaan juga telah meluluskan banyak inisiatif sebagai sokongan kepada langkah bagi menarik dan mengekalkan bakat-bakat yang ada di institusi pengajian tinggi awam. Antara langkah terkini yang telah diambil oleh Kerajaan ialah dengan mewujudkan Skim Perkhidmatan Pensyarah Farmasi melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2013.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sedar dan sentiasa memberi penekanan supaya institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dapat melahirkan pensyarah yang berkualiti dan mencukupi. Bagi merealisasikan matlamat tersebut skim latihan pensyarah muda yang dikendalikan oleh Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) dapat membantu dalam memastikan kualiti pensyarah universiti. Antara program yang telah dilaksanakan adalah program kepimpinan, inovasi dan transformasi (KIT). Objektif utama penganjuran program KIT ini adalah untuk memastikan pensyarah muda memenuhi sebahagian daripada keperluan latihan '*Critical Agenda Projects (CAPs) Leadership Program*', memperkasa bakat *academia* dan menyokong rancangan '*Succession Planning in Higher Education Institution*'. serta menggalakkan budaya kecemerlangan di dalam pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan penglibatan sumbangan masyarakat.

Seramai 744 pensyarah muda telah dilatih melalui program ini pada tahun 2012. Sebanyak 7 koordinator bagi 5 zon telah dilantik oleh AKEPT di seluruh Malaysia. Bilangan pensyarah muda paling ramai dilatih pada tahun 2012 ialah di Zon Timur iaitu 273 orang berbanding 73 orang pada tahun 2011 dengan 5 koordinator.

Selain itu, Projek Agenda Kritikal (CAP) MyBrain15 yang mempunyai matlamat khusus dengan mensasarkan 60,000 pemegang PhD dalam tempoh 15 tahun bermula tahun 2008. Bagi menjayakan matlamat tersebut, pihak Kementerian telah mewujudkan pemberian biasiswa Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Biasiswa Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) kepada pelajar.

Di samping itu bagi memastikan lebih ramai warganegara berkelulusan PhD terutama dalam kalangan pensyarah dan tenaga pengajar IPTA satu petunjuk

prestasi utama (KPI) bagi CAP *MyBrain* 15 di wujudkan. Setiap IPTA dikehendaki mensasarkan dan memastikan pencapaian KPI itu terlaksana.

IPTA khususnya Universiti Penyelidikan juga telah menetapkan semua pensyarah yang diambil bertugas wajib mempunyai PhD dalam hampir semua bidang. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan mutu serta kualiti pensyarah di IPTA.

Njm20

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB CIK BATMAVANI KRISHNAN**
TARIKH : **10.12.2013**
SOALAN :

Cik Batmavani Krishnan minta **MENTERI PENDIDIKAN** mewujudkan Unit Pelajar OKU di setiap Institut Pengajian Tinggi kerajaan dan swasta, dan juga sekurang-kurangnya suatu di setiap daerah untuk sekolah demi memberi perhatian kepada keperluan pelajar OKU di sekolah serta IPT.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sangat prihatin dan tidak pernah mengabaikan aspek kebajikan golongan pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) di institusi pendidikan. Justeru, di peringkat institusi pengajian tinggi awam (IPTA), satu pelan tindakan pengajaran dan pembelajaran telah dirangka di IPTA yang mengandungi 4 objektif strategik iaitu berkaitan akses, kualiti, pembangunan diri dan persekitaran. Antara program yang dilaksanakan seperti program advokasi, program pendidikan, program pembangunan sumber manusia, program penglibatan masyarakat dan program penyelidikan dan pembangunan.

Manakala antara tindakan yang telah di jalankan oleh pihak Kementerian adalah seperti berikut :

- a) mewujudkan jawatankuasa penasihat kebajikan pelajar OKU Universiti Malaya (UM);
- b) latihan kepada warga UM, iaitu Program *Disability Equality Training* kepada kakitangan Kolej Kediaman dan Fakulti bertujuan mewujudkan kaedah dan tatacara pengurusan pelajar OKU;
- c) mewujudkan kaedah pemilihan kemasukan ke IPTA melalui laluan kemasukan khas bagi kategori OKU;
- d) pengiktirafan JPA bagi program Sijil Kemahiran Khas Politeknik iaitu kursus Sijil Kemahiran (Awam Pembinaan) dan Sijil Kemahiran (Penyelenggaraan Mekanikal);
- e) menjalankan kursus bahasa isyarat kepada semua tenaga pengajar yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar OKU (Politeknik Ibrahim Sultan);

- f) melatih kaunselor untuk mempelajari bahasa isyarat supaya dapat membantu pelajar kurang pendengaran (UM);
- g) penglibatan kementerian sebagai ahli tetap dalam jawatankuasa pendidikan bagi Majlis Kebangsaan Orang Kurang Upaya sebagai platform hubungan strategik dengan NGO;
- h) mewujudkan unit yang mengurus dan menyelaras hal ehwal pengajaran dan pembelajaran serta kemudahan pelajar OKU di bawah Seksyen Kaunseling, Kerjaya dan OKU **atau** di Bahagian Hal-ehwal Pelajar masing-masing di IPTA.

Di peringkat pendidikan rendah dan menengah pula, KPM telah mewujudkan Unit Pendidikan Khas di setiap Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) bagi memudahkan pengurusan murid berkeperluan khas. Pegawai di PPD ini juga akan bekerjasama dengan pegawai dari Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah bagi perkara-perkara berkaitan dengan pendidikan dan kebajikan murid berkeperluan khas.

Njm21

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATO' DR. JOHARI BIN MAT**
TARIKH : **11.12.2013**
SOALAN :

Dato' Dr. Johari bin Mat minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang telah dijadikan asas kukuh terhadap transformasi pengajian tinggi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) telah menunjukkan impak yang amat positif ke atas pencapaian agenda-agenda kritikal yang dapat melonjakkan prestasi institusi pengajian tinggi tempatan di peringkat antarabangsa. Kejayaan tersebut dapat dilihat melalui Tujuh (7) teras utama PSPTN, iaitu:

- a) Meluaskan akses dan meningkatkan ekuiti
- b) Menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran
- c) Memperteguh penyelidikan dan inovasi
- d) Memperkasakan institusi pengajian tinggi
- e) Mempergiatkan pengantarabangsaan
- f) Membudayakan pembelajaran sepanjang hayat
- g) Memperkukuhkan sistem penyampaian Kementerian

Njm22

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATO' BOON SOM A/L INONG**
TARIKH : **11.12.2013**
SOALAN :

Dato' Boon Som a/l Inong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah sekolah menengah vokasional yang dinaikkan taraf menjadi Kolej Vokasional selaras dengan Program Transformasi Pendidikan Vokasional, bilangan kursus yang ditawarkan, sambutan masyarakat terhadap Kolej Vokasional dan kursus yang ditawarkan, serta respons sektor industri terhadap langkah berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2013, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menaik taraf 72 buah sekolah menjadi Kolej Vokasional (KV) iaitu 70 buah Sekolah Menengah Vokasional, sebuah Sekolah Menengah Teknik dan sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan (harian). Terdapat 44 kursus yang ditawarkan di Kolej Vokasional KPM yang merangkumi 9 bidang utama. Bilangan kursus ini telah ditambah dengan penawaran program KV di Institut Latihan Perindustrian (ILP) dengan penawaran 12 kursus di 11 buah ILP. Di samping itu, 4 kursus yang berimpak tinggi telah ditawarkan di Kolej Swasta yang menjalankan program KV KPM. Pada masa yang sama, KPM sedang melaksanakan pelbagai usaha untuk menambah bilangan pelajar dan kursus bagi program KV.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak pelaksanaan KV bermula pada tahun 2012 sambutan masyarakat terhadap KV amat menggalakkan. Pada tahun 2012, KPM menerima 22,000 permohonan sedangkan pengambilan hanyalah 3,000 sahaja dan jumlah pelajar yang mendaftar adalah 101%. Pada tahun 2013, jumlah permohonan adalah 89,086 iaitu 404%, pengambilan hanya 20,000 (setelah KV ditubuhkan) dan pelajar yang mendaftar adalah 101%. Manakala bagi pengambilan tahun 2014, jumlah permohonan yang diterima sehingga 1 Disember 2013 ialah 78,126 pemohon iaitu 355%.

Secara keseluruhannya, sambutan sektor industri juga amat menggalakkan. KPM telah menandatangani 106 perjanjian persefahaman (MOU) bersama-sama sector industri di seluruh Negara dan jumlah ini akan bertambah secara berfasa mengikut perancangan sedia ada KPM.

Njm23

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATO' LIM NGET YOON**
TARIKH : **11.12.2013**
SOALAN :

Dato' Lim Nget Yoon minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah diambil oleh pihak Kementerian untuk menangani masalah 'gangsterisme' di kalangan pelajar-pelajar sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Antara tindakan dan langkah-langkah pencegahan yang dilaksanakan bagi membendung permasalahan ini termasuklah;

- a) Mengadakan kerjasama erat bersama pihak PDRM khususnya menerusi program Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) yang sering melawat serta berbincang dengan pihak sekolah bagi mengatasi gejala tersebut;
- b) Melibatkan ibu bapa menerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan masyarakat dalam aktiviti di sekolah;
- c) Menubuhkan Kelab Pencegahan Jenayah (KPJ) di sekolah iaitu dengan kerjasama Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF). Sehingga kini sejumlah 6082 buah KPJ telah berjaya diwujudkan di sekolah merangkumi 1981 kelab di sekolah menengah dan 4101 kelab di sekolah rendah.
- d) KPM bersama PDRM dan MCPF, juga telah mengadakan perjumpaan dengan semua murid berisiko di setiap daerah seluruh negara di mana perbincangan dari hati ke hati telah dilakukan agar murid tersebut memahami peranan mereka dan tidak terjebak dengan salah laku jenayah termasuk menjalankan kempen-kempen pencegahan di peringkat sekolah secara berterusan.
- e) Memberi khidmat Bimbingan dan Kaunseling secara berterusan kepada murid yang terlibat.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB TUAN HAJI ABDUL SHUKOR BIN MOHD SULTAN**
TARIKH : **11.12.2013**
SOALAN :

Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini pembayaran balik wang pinjaman PTPTN yang tertunggak dan sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan strategi dan tindakan untuk mendapatkan kembali wang pinjaman yang telah dikeluarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Oktober 2013, seramai 1,345,894 peminjam perlu membuat bayaran balik dengan amaun sebanyak RM9.67 bilion. Daripada jumlah tersebut, seramai 910,746 peminjam atau 68.0 peratus telah membuat bayaran balik dengan amaun sebanyak RM4.87 bilion atau 50.4 peratus. Manakala, sebanyak RM4.8 bilion adalah merupakan jumlah tunggakan oleh seramai 435,148 peminjam yang tidak pernah membuat bayaran balik dan juga tunggakan oleh peminjam yang dibenarkan membayar ansuran lebih rendah daripada ansuran sebenar.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah melaksanakan pelbagai kaedah dan pendekatan yang fleksibel dalam memungut semula hutang terhadap semua peminjam PTPTN. Antara langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi menyelesaikan masalah ini adalah seperti berikut:

- a) Mengadakan program mesra pelanggan bagi mendekatkan lagi PTPTN dengan penerima biaya.
- b) Mewujudkan Sistem Pegawai Bertanggungjawab (PTJ), di mana setiap pegawai PTPTN ditugaskan menyelia hampir 6,500 penerima biaya PTPTN.
- c) Mengadakan insentif penggalakan bayaran seperti pemberian diskaun ke atas baki peminjam yang dapat menyelesaikan hutang.
- d) Tindakan Penguatkuasaan seperti saman dan menyenarai hitam di Jabatan Imigresen Malaysia.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB TO' PUAN HAJAH ZAITUN BINTI HAJI MAT AMIN**
TARIKH : **11.12.2013**
SOALAN :

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah kesan perkongsian transformasi sistem pendidikan negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dengan anggota Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) di persidangan UNESCO di Peranchis baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa persidangan UNESCO di Perancis baru-baru ini, Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU) telah mengadakan pameran serta 'gallery walk' bagi berkongsi transformasi sistem pendidikan negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 .Ini merupakan salah satu langkah penglibatan aktif Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di dalam aktiviti organisasi pendidikan antarabangsa seperti UNESCO dan organisasi subsidiarinya.

Kerjasama KPM dengan UNESCO dapat membantu negara membangunkan sistem pendidikan yang bertaraf dunia, di samping mewujudkan perkongsian kepakaran ke arah meningkatkan kualiti pendidikan negara sejajar dengan saranan Rancangan Malaysia Ke-10. Penglibatan KPM dalam persidangan antarabangsa juga menjadi satu langkah pendedahan sistem dan produk pendidikan negara ke peringkat antarabangsa. Dengan langkah tersebut juga, sistem pendidikan kita akan diterima dan diiktiraf di peringkat antarabangsa serta secara tidak langsung menjadi penanda aras kepada negara-negara membangun yang lain.

Njm26

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN MOHAMAD EZAM BIN MOHD NOR**

TARIKH : **11.12.2013**

SOALAN :

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa peratus dari jumlah terbitan tempatan berbentuk Ilmiah, membina pengetahuan komersial, bernilai tinggi dan berpotensi menembusi pasaran luar negara dan berapakah jumlah belanjawan yang diperuntukkan untuk penghasilan penerbitan yang sedemikian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha menuju ke arah kecemerlangan pengajian tinggi, penyelidikan dan pembangunan (*Research & Development*, R&D) dilihat sebagai satu elemen penting yang akan membantu proses berkenaan. Peningkatan di dalam aktiviti R&D dan penerbitan yang berkualiti amat perlu bagi memastikan institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia tidak ketinggalan berbanding IPT di luar negara.

Dalam konteks ini, Universiti Penyelidikan (*Research University*, RU) telah berupaya meningkatkan pencapaian mereka sejak tahun 2003 hingga 2012. Berikut adalah pencapaian dalam penarafan penerbitan antarabangsa oleh RU, antaranya;

- a) **Scopus** - RU telah menyumbangkan 70 peratus atau 13,695 dari keseluruhan penerbitan negara Malaysia iaitu berjumlah sebanyak 21,031 pada tahun 2013.
- b) **Scimago Journal & Country Rank** - Malaysia di kedudukan kedua tertinggi selepas Singapura berbanding negara-negara Asian iaitu sebanyak 77,327 penerbitan dalam *World Publication in 2007 - 2012: Article, Proceeding & Review*.
- c) **Malaysia Relative Impact** - Malaysia adalah 0.54 bagi tempoh lima (5) tahun (2008 – 2012) berdasarkan purata skor.
- d) **SCImalo Institutional Ranking** 2012-RU adalah 0.75 berbanding dunia sebanyak 1.0.

Kecemerlangan seorang penyelidik sama ada di peringkat universiti dan institut penyelidikan diukur oleh penerbitannya. Penerbitan yang berkualiti menyumbang kepada jumlah penyelidikan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Projek Penerbitan Berimpak Tinggi (*High Impact Publication Project, HIPP*) telah diwujudkan bagi membangunkan sinergi lonjakan penerbitan berimpak tinggi di institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Sebanyak RM1.2 juta akan diperuntukkan pada tahun 2014 untuk pelaksanaan program di bawah HIPP bagi membangun bakat akademia yang cemerlang dalam bidang penyelidikan dan pengajaran serta keupayaan menerbitkan jurnal berimpak tinggi.

HIPP juga bertindak memantau kerjasama di antara IPTA di Malaysia dalam bidang penerbitan yang mana melalui penubuhan Jawatankuasa yang diwakili dari institusi yang bertaraf Universiti Penyelidikan dan juga rakan RU. Kerjasama bersama IPT di peringkat antarabangsa seperti dari negara Singapura, China, Korea, Brazil dan Iran dalam penerbitan sama ada sebagai penyelidik bersama bagi melonjakkan penerbitan atau sebagai pakar yang menyumbang kepada selok belok penulisan.

Antara hasil penerbitan yang telah mendapat tempat dalam ***Nature Journal*** adalah:

- a) *Unusual base pairing during the decoding of a stop codon by the ribosome* pada tahun 2013; dan
- b) *S-Nitrosylation of NADPH oxidase regulates cell death in plant immunity* pada tahun 2011.

Manakala hasil penerbitan tempatan yang dimuatkan dalam ***Science Journal*** adalah:

- a) *Capturing Ultrasmall EMT Zeolite from Template-Free Systems* pada tahun 2012;
- b) *A Burkholderia pseudomallei Toxin Inhibits Helicase Activity of Translation Factor eIF4A* pada tahun 2011; dan
- c) *Mapping Human Genetic Diversity in Asia* pada tahun 2009.

Njm27

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATUK MEGAT ZULKARNAIN BIN TAN SRI OMARDIN**
TARIKH : **11.12.2013**
SOALAN :

Y.B. Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kapasiti jalur lebar yang disediakan pada setiap universiti tempatan di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kapasiti jalur lebar yang disediakan bagi setiap institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di mana pembekal internet terdiri dari Jaring, Telekom, TIME dan *Malaysian Research and Education Network* (MYREN) dengan kapasiti yang berbeza.

Terdapat sembilan (9) buah IPTA telah mempunyai kapasiti talian internet sedia ada 1Gbps dan ke atas iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Melaysia Melaka (UTeM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Untuk makluman, daripada jumlah tersebut, empat (4) buah IPTA telah di naik taraf kepada 1Gbps melalui projek MYREN pada Jun 2013 iaitu UTeM, USIM, UMK, UTHM.

Bagi sebelas (11) buah IPTA yang berkapasiti talian internet kurang daripada 1Gbps iaitu Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Malaysia Sawarak (UniMAS), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Sains Malaysia (UMS), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM).

Njm28

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' NALLA K. S.**
TARIKH : **11.12.2013**
SOALAN :

Y.B. Dato' Nalla K. S. minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian di dalam memastikan mahasiswa di universiti-universiti tempatan yang aktif di dalam mana-mana bidang sukan dapat menjalani sesi pengajian mereka dengan jayanya walaupun aktif bersukan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil inisiatif pemberian biasiswa sebagai salah satu galakan berterusan kepada atlet pelajar yang sedang meneruskan pengajian di mana-mana institusi pengajian tinggi (IPT) untuk terus bergiat aktif dan cemerlang dalam bidang sukan dan akademik. Penerima biasiswa ini akan diberikan tajaan dan bantuan yang meliputi pembiayaan yuran pengajian, elaun sara hidup, elaun buku, elaun alat perkakas, elaun kertas projek, elaun latihan amali, elaun tesis dan elaun insentif pencapaian sukan sebagai insentif untuk membantu dan memudahkan keperluan pembelajaran atlet pelajar tersebut di IPT.

Atlet pelajar di IPT juga diberikan penghargaan dalam bentuk insentif kepada atlet pelajar yang cemerlang contohnya insentif khas, hadiah kemenangan sukan dan perlindungan insuran sukan. Insentif kemenangan sukan akan diberikan kepada atlet pelajar yang memenangi pingat khususnya di dalam kejohanan-kejohanan sukan yang diiktiraf dan bertaraf antarabangsa mengikut kadar setaraf dengan peringkat kejohanan tersebut. Kementerian turut memperkenalkan Skim Perlindungan Insuran kepada atlet pelajar di IPT. Penawaran skim perlindungan insuran adalah bertujuan bagi meningkatkan lagi keprihatinan Kementerian terhadap kebajikan atlet pelajar.

Atlet pelajar yang masih bergiat aktif dalam sukan semasa di IPT turut diberikan kelebihan fleksibiliti akademik (6 hingga 10 tahun tempoh pengajian) yang meliputi jadual perkuliahan yang anjal di mana mereka dibenarkan untuk mendaftar '*credit hour*' yang minima untuk setiap semester pengajian bagi memberi ruang kepada atlet untuk memberi tumpuan dan fokus kepada komitmen sukan yang diceburi. Atlet pelajar juga diberi kelonggaran untuk membuat penangguhan dan pelanjutan tempoh pengajian bagi memudahkan mereka merancang jadual pengajian yang sistematik seiring dengan penglibatan sukan mereka.

Program Pembangunan Pusat Kecemerlangan Sukan (PKS)/Pusat Sukan Tumpuan (PST) IPT adalah satu program yang dijalankan bertujuan untuk membangunkan sukan dengan cara lebih sistematik dan teratur ke arah kecemerlangan sukan serta menyediakan peluang

pendidikan bagi atlet pelajar ke arah melahirkan "*The Thinking Athlete(s)*". Sebanyak 10 Pusat Kecemerlangan Sukan dan 22 Pusat Sukan Tumpuan telah didirikan di setiap IPT dengan acara-acara sukan seperti yang termaktub dalam Dasar Sukan Negara (DSN).

Kementerian juga memainkan peranan yang besar di dalam perkembangan sukan di Malaysia khususnya melalui penyediaan serta pembangunan atlet bertaraf dunia di kalangan pelajar IPT.

Njm29

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATO' KHAIRUDIN BIN E.S. ABD SAMAD**
TARIKH : **12.12.2013**
SOALAN :

Dato' Khairudin bin E.S. Abd Samad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah untuk memastikan semua bangunan sekolah adalah selamat digunakan dan tidak merbahaya kepada para pelajar, guru, kakitangan yang menggunakannya. Apakah sebab-sebabnya sekolah-sekolah tertentu perlu menunggu terlalu lama untuk tindakan Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat ke atas kebajikan dan keselamatan pelajar dari pelbagai aspek, termasuklah menyediakan bangunan sekolah yang selesa dan selamat untuk digunakan di seluruh negara. Justeru, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM900 juta di bawah Pakej Rangsangan Khas (PRK) 2012 dan 2013 yang boleh digunakan yang boleh digunakan sehingga tahun 2014 bagi tujuan penyelenggaraan dan naik taraf sekolah-sekolah yang daif di seluruh negara. Oleh kerana jumlah sekolah di bawah Kementerian Pendidikan yang besar, keutamaan akan diberikan kepada sekolah-sekolah yang kritikal dan memerlukan penambahbaikan segera yang dikenal pasti melalui Laporan Audit Fizikal yang telah dijalankan oleh Kementerian pada tahun 2012.

Selain itu, pengenalpastian keperluan segera sekolah-sekolah yang mempunyai masalah kemudahan infrastruktur juga dilaksanakan melalui saluran Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, aduan rakyat mahupun ibu bapa. Sekiranya ada keperluan yang mendesak, Kementerian akan sedaya upaya memberi perhatian dan memperbaiki keadaan tersebut dengan menggunakan peruntukan yang diluluskan dan kedudukan kewangan Kerajaan sedia ada.

Njm30

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATO' BOON SOM A/L INONG**
TARIKH : **12.12.2013**
SOALAN :

Dato' Boon Som a/l Inong minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bentuk penglibatan yang boleh dilakukan oleh ibu bapa dan komuniti setempat di sekolah sejajar dengan penggubalan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang baru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat menggalakkan ibu bapa dan komuniti setempat melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang boleh melonjakkan lagi prestasi sekolah-sekolah melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

Melalui Anjakan ke-9 di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, KPM akan memastikan ibu bapa dan komuniti setempat menjadi rakan utama dalam pembangunan pendidikan yang memberi tumpuan untuk memanfaatkan kelebihan pelbagai pihak bagi menyampaikan pendidikan berkualiti secara bersepadu, berkesan dan cekap.

Untuk itu, Program Sarana Ibu Bapa telah dilancarkan kepada semua PIBG bagi menerangkan dan menjelaskan kepada pihak yang terlibat terhadap peranan yang boleh dimainkan oleh mereka untuk membantu pihak sekolah membentuk satu ekosistem pembelajaran dalam komuniti. Dalam konteks ini, ibu bapa yang mempunyai kepakaran masing-masing boleh memainkan peranan dan membantu pihak sekolah melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berkaitan kokurikulum ataupun sebarang aktiviti selepas sesi persekolahan, manakala komuniti pula boleh membantu meneruskan program yang mampu meningkatkan lagi potensi murid.

Njm31

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATO' DR. JOHARI BIN MAT**
TARIKH : **12.12.2013**
SOALAN :

Dato' Dr. Johari bin Mat minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah strategi-strategi melalui Program Literasi dan Numerasi (LINUS) mencapai sasaran dalam memastikan semua kanak-kanak berupaya menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi selepas tiga tahun pendidikan sekolah rendah

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat serius dalam usaha membasmi masalah celik huruf dalam kalangan murid di negara ini. Sehubungan itu pelbagai langkah telah diambil oleh KPM termasuklah melaksanakan Program LINUS (*Literacy and Numeracy Screening Programme*) yang bermula pada tahun 2010.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya pencapaian murid selepas tiga tahun pendidikan sekolah rendah mencatatkan rekod 99 peratus murid menguasai literasi bahasa Melayu dan 99.3 peratus bagi numerasi pada tahun 2013. Berdasarkan pencapaian tersebut, KPM mendapati program LINUS berupaya meningkatkan kadar celik huruf dalam kalangan murid yang tidak mempunyai masalah kesihatan di negara ini dan usaha ini akan diteruskan pada tahun-tahun yang mendatang.

Njm32

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB PUAN ROSLIN BINTI HAJI ABDUL RAHMAN**
TARIKH : **12.12.2013**
SOALAN :

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah Malaysia akan menggunakan kepakaran Institut Antarabangsa bagi Perancangan pendidikan (IIEP) bagi membantu pelaksanaan Pelan pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015 bagi memastikan negara menyediakan sistem pendidikan berkualiti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penggubalan dan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 merupakan satu program transformasi untuk meningkatkan lagi kualiti sistem pendidikan negara supaya setanding dengan negara maju. Dalam konteks ini, kepakaran dan kemahiran antarabangsa seperti Institut Antarabangsa bagi Perancangan Pendidikan (IIEP) amat diperlukan bagi membantu merangka pelan pendidikan yang boleh dilaksanakan dan direalisasikan.

Pada masa yang sama, laporan-laporan antarabangsa seperti Bank Dunia, UNESCO, TIMSS dan PISA juga dirujuk untuk menilai tahap pencapaian sistem pendidikan negara. Ini bertujuan untuk memastikan pelan yang digubal dan dirancang dapat dilaksanakan secara sistematik, berkualiti dan mempunyai impak yang signifikan kepada pendidikan negara.

Njm33

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB TUAN HAJI AHAMAT @ AHAMAD BIN YUSOP**
TARIKH : **12.12.2013**
SOALAN :

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah peranan khusus yang akan dimainkan oleh Institut Antarabangsa bagi Perancangan Pendidikan (IIEP) yang berada di bawah UNESCO dalam melaksanakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) seperti yang diumumkan oleh Menteri Pendidikan baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penggubalan dan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 merupakan satu program transformasi untuk meningkatkan lagi kualiti sistem pendidikan negara supaya setanding dengan negara maju. Dalam konteks ini, kepakaran dan kemahiran antarabangsa seperti Institut Antarabangsa bagi Perancangan Pendidikan (IIEP) amat diperlukan bagi membantu merangka pelan pendidikan yang boleh dilaksanakan dan direalisasikan.

Pada masa yang sama, laporan-laporan antarabangsa seperti Bank Dunia, UNESCO, TIMSS dan PISA juga dirujuk untuk menilai tahap pencapaian sistem pendidikan negara. Ini bertujuan untuk memastikan pelan yang digubal dan dirancang dapat dilaksanakan secara sistematik, berkualiti dan mempunyai impak yang signifikan kepada pendidikan negara.

Njm34

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DATO' JASPAL SINGH**

TARIKH : **12.12.2013**

SOALAN :

Dato' Jaspal Singh minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik berapa ramaikah telah memperolehi pembiayaan di bawah program mybrain and myphd sejak program ini dilancarkan mengikut bangsa. Antaranya, berapakah yang menggaji di Universiti Awam dan Universiti Swasta, dan apakah statistik program-program yang diambil oleh pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program *MyBrain15* merupakan satu program pembiayaan pengajian di peringkat pasca ijazah dan menjadi salah satu projek agenda kritikal di bawah Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Matlamat program adalah untuk mewujudkan kelompok sumber manusia yang berpengetahuan tinggi sebagai pemangkin kepada penyelidikan, pembangunan dan inovasi. Pelaksanaan program ini akan dapat membangunkan *first world talent base* yang akan menjadi salah satu inisiatif untuk memacu Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi. Di bawah program ini, Kerajaan menasarkankan untuk menghasilkan seramai 60,000 pemegang PhD dalam kalangan rakyat Malaysia menjelang tahun 2023 melalui program *MyBrain15* yang dilaksanakan seperti *MyPhD*, *MyMaster* dan *MyPhD* Industri.

Sejak program *MyBrain15* dilancarkan pada tahun 2011 sehingga 27 November 2013, seramai 26,921 pelajar yang layak telah menerima pembiayaan di bawah program ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 22,361 pelajar *MyMaster* iaitu 20,795 pelajar di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan 1,566 pelajar di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS). Manakala, seramai 4,560 pelajar *MyPhD* dan *MyPhD* Industri dengan pecahan seramai 4,316 pelajar di IPTA dan 244 pelajar di IPTS.

Bilangan pelajar program *MyMaster* yang mengikuti pengajian dalam bidang sains dan teknologi adalah seramai 13,016. Manakala, bilangan pelajar *MyMaster* dalam bidang Sains Sosial/Sastera Ikhtisas adalah seramai 9,345 pelajar. Bagi pelajar *MyPhD* dan *MyPhD* Industri pula adalah seramai 3,312 pelajar dalam bidang Sains dan Teknologi dan 1,248 pelajar dalam bidang Sains Sosial/Sastera Ikhtisas.

Njm35

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DATO' DAYANG HAJAH MADINAH BINTI
TUN ABANG HAJI OPENG**

TARIKH : **12.12.2013**

SOALAN :

Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan Bajet 2014 memperuntukkan RM831 juta bagi membina 33 sekolah baru, menaik taraf yang sedia ada dan RM168 juta untuk memperluaskan akses internet. Berapa banyakkah sekolah di kawasan luar bandar dan pedalaman Sarawak yang masih uzur dan tanpa internet akan mendapat manfaat tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha bagi merapatkan jurang pendidikan antara bandar dan luar bandar adalah satu langkah berterusan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam memastikan murid-murid dan guru-guru di kawasan luar bandar mendapat kemudahan pendidikan dan kebajikan yang sama dengan murid-murid dan guru-guru di kawasan bandar.

Melalui Bajet tahun 2014, sebanyak 20 projek naik taraf untuk pelbagai kemudahan sekolah-sekolah di kawasan luar bandar dan pedalaman Sarawak telah diluluskan untuk dilaksanakan. Bagi akses internet pula, sejumlah 1,926 sekolah di kawasan luar bandar dan pedalaman termasuk Sarawak dan Sabah telah dibekalkan dengan VSAT. Manakala pada tahun 2013 sebanyak 1,250 buah sekolah luar bandar juga telah dilengkapi dengan kelengkapan ICT berteknologi VDI *ThinClient*. Selebihnya akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Njm36

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATUK DR. LUCAS UMBUL**
TARIKH : **16.12.2013**
SOALAN :

Datuk Dr. Lucas Umbul minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik rumah guru-guru luar bandar di Negeri Sabah yang uzur dan memerlukan pembaikan segera. Apakah usaha-usaha Kementerian untuk menaik taraf rumah kediaman guru-guru luar bandar ini agar mereka dapat tinggal dalam keadaan yang selesa dan sekali gus memberi mereka lebih bermotivasi dalam memberi pendidikan terbaik kepada murid-murid.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat ke atas kebajikan guru-guru dari pelbagai aspek, termasuklah menyediakan rumah guru yang selesa dan selamat untuk didiami di seluruh negara. Pada masa ini tumpuan diberikan kepada membaik pulih dan menaik taraf rumah guru yang mengalami kerosakan teruk dari segi struktur atau bukan struktur serta pendawaian. Namun oleh kerana jumlah sekolah dan rumah guru di bawah Kementerian Pendidikan adalah besar, keutamaan akan diberikan kepada sekolah-sekolah yang kritikal dan memerlukan penambahbaikan segera yang dikenal pasti melalui Laporan Audit Fizikal yang telah dijalankan oleh Kementerian.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, berdasarkan pengauditan yang dijalankan pada akhir tahun 2010, di dapati sebanyak 3,544 blok rumah guru mengalami kerosakan teruk dari aspek fizikal, manakala 3,360 blok pula mengalami kerosakan teruk pada sistem pendawaian. Bagi negeri Sabah, pada tahun 2011 sahaja, daripada 292 buah rumah guru baharu yang dibina, 222 buah telah siap untuk didiami.

Ingin dijelaskan bahawa pengenalpastian keperluan segera sekolah-sekolah yang mempunyai masalah kemudahan infrastruktur termasuk rumah guru juga dilaksanakan melalui saluran Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, aduan rakyat mahupun ibu bapa. Sekiranya ada keperluan yang mendesak, Kementerian akan sedaya upaya memberi perhatian dan memperbaiki keadaan tersebut dengan menggunakan peruntukan yang diluluskan dan bergantung kepada kedudukan kewangan Kerajaan sedia ada.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DATO' DAYANG HAJAH MADINAH BINTI
TUN ABANG HAJI OPENG**

TARIKH : **16.12.2013**

SOALAN :

Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE) memerlukan lebih 50% tenaga mahir dan separuh mahir pada masa akan datang. Adakah pihak Kementerian merancang untuk menambah pembinaan Sekolah Teknikal dan Vokasional di Sarawak bagi menampung keperluan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penyediaan tenaga kerja mahir serta bidang kursus yang ditawarkan di Kolej Vokasional Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sememangnya mengikut keperluan Koridor Ekonomi di negeri-negeri di seluruh Malaysia termasuklah di negeri Sarawak.

Pada tahun 2013, KPM telah menyediakan 7 buah Kolej Vokasional yang telah dinaik taraf daripada sekolah menengah vokasional (6 SMV) dan teknik (1 SMT). KPM juga telah melaksanakan Program Pendidikan Asas Vokasional di 5 buah sekolah menengah harian di negeri Sarawak. Selain itu juga, KPM telah mengadakan kolaborasi bersama Kementerian Sumber Manusia (KSM) dengan pelaksanaan Kolej Vokasional KPM di Institut Latihan Perindustrian di Kota Samarahan, Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sedang mempergiatkan usaha menambah bilangan tempat dan jumlah pengambilan pelajar dalam bidang teknikal dengan mengadakan perbincangan bersama MARA di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Belia Sukan (KBS) dan kementerian-kementerian lain yang berminat. Selain daripada itu, KPM juga menawarkan program yang sama di Kolej Swasta di bawah program usaha sama awam swasta (EPP 13) bagi kursus-kursus yang berimpak tinggi.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB TUAN LIHAN JOK**
TARIKH : **16.12.2013**
NO. SOALAN : **45**

Tuan Lihan Jok minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pandangan Kerajaan terhadap kanak-kanak yang tidak mampu mengikuti pendidikan awal akibat jarak yang jauh dari kemudahan sekolah yang berdekatan di Sarawak. Fenomena ini jelas dilihat dalam kawasan pedalaman Bahagian Miri, Limbang dan Sibul di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan memastikan setiap kanak-kanak mempunyai peluang yang sama untuk mendapatkan pendidikan prasekolah tanpa mengira latar belakang etnik, status sosio-ekonomi atau lokasi tempat tinggal. Ini jelas terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025.

Berdasarkan Gelombang Pertama PPPM, Kementerian menasaskan penyertaan sebanyak 88% kanak-kanak berumur 4+ dan 5+ mengikuti pendidikan prasekolah pada tahun 2013, 90% pada tahun 2014 dan 92% enrolmen murid prasekolah pada tahun 2015. Di bawah inisiatif pendidikan prasekolah PPPM, usaha memperluas akses dan meningkatkan enrolmen murid dilakukan secara intensif bersama-sama agensi pelaksana yang lain seperti Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), dan juga pihak swasta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi negeri Sarawak terdapat 2,699 pusat/institusi yang menyediakan pendidikan prasekolah melibatkan 4,793 kelas membabitkan agensi pelaksana seperti KPM, KEMAS, JPNIN dan Swasta. Bilangan pusat prasekolah di Miri adalah sebanyak 141 pusat melibatkan 385 kelas, manakala di Limbang, sebanyak 82 pusat melibatkan 111 kelas. Daerah Sibul mempunyai 198 pusat melibatkan 513 kelas. Pusat prasekolah tersebut, telah memberi manfaat kepada seramai 14,998 kanak-kanak yang berusia 4+ dan 5+ di ketiga-tiga daerah tersebut. Di samping itu, KPM juga akan membuka 13 kelas lagi pada tahun 2014 iaitu 8 kelas di Bintulu, 1 kelas di Limbang dan 4 kelas di Sibul untuk memberi peluang akses yang lebih luas kepada kanak-kanak berusia 4+ dan 5+ di daerah tersebut untuk mendapatkan pendidikan prasekolah.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATUK DR. LUCAS UMBUL**
TARIKH : **16.12.2013**
SOALAN :

Datuk Dr. Lucas Umbul minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengenai keberkesanan Program Penutur Jati (*Native Speakers*) yang dijalankan di seluruh negara sehingga tahun 2013. Bagaimana prestasi guru-guru yang terlibat dalam program ini mendapat manfaat untuk diaplikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka dalam kelas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada penilaian yang dilakukan oleh mentor pada September 2013 berdasarkan *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR), menunjukkan dalam kalangan 4,500 guru yang dinilai mendapati bilangan guru yang berada pada tahap profisiensi rendah iaitu Band A1, A2 dan B1 telah berkurangan manakala guru yang berada pada tahap profisiensi tinggi iaitu pada Band C1, C2 dan B2 telah meningkat dengan signifikan.

Tahap kemahiran berbahasa Inggeris guru yang mengikuti PPJBI telah meningkat antara 0.6 hingga 1.0 Band CEFR dalam tempoh dari Januari 2011 hingga September 2013. Peningkatan tersebut adalah seperti berikut;

- a) Dari segi kemahiran penulisan (*writing skills*), peratus guru yang berada di dalam Band C1 dan C2 telah bertambah sebanyak 27.3% daripada 8.3 % dalam Tahun 2011 kepada 35.6 % dalam tahun 2013.
- b) Kemahiran membaca (*reading skills*) : peratus guru yang berada di dalam Band C1 dan C2 telah bertambah sebanyak 28.9% (daripada 11.2% dalam tahun 2011 kepada 40.1% dalam tahun 2013).
- c) Kemahiran mendengar dan bertutur (*listening & speaking skills*): peratus guru yang berada di dalam Band C1 dan C2 telah bertambah sebanyak 26.5% (daripada 7.1% dalam tahun 2011 kepada 35.2 % dalam tahun 2013).

Berdasarkan penilaian PPJBI juga, guru Bahasa Inggris yang terlibat telah dapat melaksanakan amalan terbaik pedagogi dalam PdP Bahasa Inggris. Mereka juga telah berjaya menghasilkan bahan PdP yang digunakan dalam situasi PdP yang lebih kondusif. Kesan program tersebut, murid-murid dapat mengikuti PdP yang menarik dan menyeronokkan. Keadaan ini akan mendorong minat murid untuk berusaha meningkatkan penguasaan dan pencapaian bahasa Inggris.

Njm40

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DR. ARIFFIN BIN S.M. OMAR**
TARIKH : **16.12.2013**
SOALAN :

Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan yang diambil setakat ini untuk menentukan bahawa ijazah-ijazah yang dikeluarkan oleh Universiti-universiti tempatan diiktiraf di peringkat antarabangsa khususnya dalam bidang kejuruteraan, perubatan dan undang-undang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), melalui Projek Agenda Kritikal (CAP) Pembelajaran dan Pengajaran, telah menggalakkan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) memperoleh pengiktirafan dari badan/agensi pengiktirafan antarabangsa dalam usaha memastikan kualiti program akademik IPTA tempatan setanding dengan universiti-universiti antarabangsa.

Kementerian telah melaksanakan kajian hala tuju bidang pengajian bagi program-program sedia ada pada setiap tahun. Kajian ini meliputi pengiktirafan profesional di peringkat antarabangsa sebagai penanda aras untuk membuktikan program akademik yang ditawarkan di institusi pengajian tinggi (IPT) adalah setanding dengan kehendak global. Semakan kurikulum IPT sentiasa dibuat agar kurikulum yang disediakan berkualiti tinggi dan dapat memenuhi aspirasi negara seterusnya berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Pemakaian *Malaysian Qualification Framework* (MQF) juga menuntut setiap pemilik program untuk memperbaiki kurikulum sedia ada dan mengadakan *Benchmarking Exercise* dengan institusi pengajian luar negara untuk memastikan kualiti pendidikan negara terus efektif dan berdaya saing. *Benchmarking Exercise* adalah satu keperluan yang disyaratkan bagi tujuan akreditasi untuk bidang-bidang profesional.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Kementerian juga melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) terlibat dengan hubungan pelbagai hala dalam bidang pengajian tinggi di peringkat antarabangsa seperti *ASEAN Quality Assurance Network*, *Asia Pacific Quality Network*, *Association of Quality Assurance Agencies of Islamic World* dan beberapa jaringan dengan badan jaminan kualiti luar negara seperti *Quality Assurance*

Agency, United Kingdom (QAA), New Zealand Qualifications Authority (NZQA) dan negara-negara lain. Hasil hubungan pelbagai hala ini, secara tidak langsung dapat membantu melonjakkan pelbagai program pemeraksanaan pengajian tinggi di Malaysia dan meningkatkan keyakinan dan pengiktirafan pihak luar terhadap kualiti program pengajian tinggi di Malaysia.

Pengiktirafan antarabangsa bagi program kejuruteraan, perubatan dan undang-undang dilaksanakan melalui inisiatif perhubungan dan jalinan kerjasama badan profesional dengan agensi luar negara. Contohnya pengiktirafan bidang kejuruteraan, di bawah tanggungjawab Lembaga Jurutera Malaysia (BEM), bidang perubatan di bawah tanggungjawab Majlis Perubatan Malaysia (MMC) dan bidang undang-undang di bawah tanggungjawab Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang (LPQB). Badan-badan Profesional berkenaan bersama MQA akan bertindak untuk mendapatkan pengiktirafan badan-badan antarabangsa.

Rjm44

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATO' KHAIRUDIN BIN E.S. ABD SAMAD**
TARIKH : **16.12.2013**
SOALAN :

Dato' Khairudin bin E.S. Abd Samad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah kesemua Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar di semua universiti diaudit setiap tahun perbelanjaannya, dan adakah laporan audit ini boleh diakses oleh badan pelajar. Jika tidak, mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada pengauditan khusus yang dilaksanakan di Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar, institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Walau bagaimanapun, pengauditan selalunya dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara merentasi semua Bahagian/Jabatan di IPTA. Misalnya pada tahun 2011, pengauditan Pengurusan Sistem Kewangan Pelajar Universiti Teknologi MARA di mana maklumat lanjut boleh diakses menerusi laman sesawang Jabatan Audit Negara.

Njm 42

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATO' DR. MASHITAH BINTI IBRAHIM**
TARIKH : **16.12.2013**
SOALAN :

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah peruntukan RM2.5 juta diberikan kepada tiga buah Sekolah Agama Rakyat (SAR) pada kempen BN dalam PRK Sungai Limau lalu daripada peruntukkan RM50 juta dalam bajet 2014 yang diumumkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara-perkara yang berkaitan Sekolah Agama Rakyat (SAR) bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melainkan sekolah tersebut telah berdaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Namun, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan, KPM akan memanjangkan permohonan peruntukan RM2.5 juta bagi tiga buah Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Sungai Limau kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bagi pertimbangan untuk kelulusan.

Njm43

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DATUK MEGAT ZULKARNAIN BIN TAN SRI OMARDIN**

TARIKH : **16.12.2013**

SOALAN :

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah dalam memperkasakan Program Mengubah Destini Anak Bangsa (MDAB) di Universiti Teknologi MARA (UiTM).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program Mengubah Destini Anak Bangsa (MDAB) dilihat sebagai pemangkin kepada pelan Pemerksaan Ekonomi Bumiputera dengan menjadikan ilmu sebagai teras dalam usaha untuk menjadikan bangsa Melayu dan bumiputera muncul sebagai bangsa yang cemerlang dan terbilang dalam pelbagai sudut termasuk ekonomi. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah memperkenalkan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi bagi memastikan graduan yang dilahirkan mempunyai kualiti yang seimbang, seterusnya kebolehpasaran graduan dapat ditingkatkan.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Program MDAB merupakan usaha Universiti Teknologi MARA (UiTM) memberi peluang pendidikan kepada anak-anak miskin Melayu dan Bumiputera di bandar dan luar bandar yang ibu bapa berpendapatan (gaji kasar) kurang dari RM3,000 sebulan. Oleh itu, antara langkah-langkah yang telah dibuat di UiTM dalam memperkasakan MDAB adalah seperti berikut :

- a) menyediakan geran secara tetap kepada MDAB untuk menampung kos pembiayaan pelajar;
- b) menyediakan kampus khas untuk program MDAB di tiga (3) negeri iaitu Kedah, Kelantan dan Johor, supaya program dapat diberikan tumpuan yang khusus;
- c) menyediakan bajet khusus yang akan membiayai keperluan tenaga kerja dan perbelanjaan tahunan MDAB; dan
- d) menawarkan semua pelajar Melayu/Bumiputera yang layak dan wajar ditempatkan pengajian tanpa perlu membuat permohonan khusus.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB PUAN NORLIZA BINTI ABDUL RAHIM**
TARIKH : **16.12.2013**
SOALAN :

Puan Norliza binti Abdul Rahim minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah sekolah kawasan luar bandar terutama di Pulau Pinang yang mempunyai akses internet.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek perkhidmatan 1BestariNet yang sedang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat merupakan program untuk meningkatkan akses jalur lebar berkelajuan tinggi bagi kegunaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Melalui projek ini, semua sekolah disasarkan mendapat capaian internet jalur lebar sama ada 2Mbps – 10Mbps atau 4 - 10 Mbps, termasuklah sekolah luar bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi negeri Pulau Pinang, terdapat 183 buah sekolah dalam kategori luar bandar telah mempunyai akses internet antara 2 hingga 4 Mbps.

Njm45

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATUK KADZIM M. YAHYA**
TARIKH : **17.12.2013**
SOALAN :

Datuk Kadzim M. Yahya minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status makmal-makmal komputer sekolah-sekolah yang disediakan beberapa tahun dulu dari segi penggunaannya oleh pelajar-pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada jumlah keseluruhan sebanyak 8,328 makmal komputer di sekolah-sekolah seluruh negara yang telah dibekalkan sejak tahun 2000 hingga 2010, terdapat 7836 makmal komputer yang berfungsi sehingga kini untuk digunakan oleh murid bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.

Njm46

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB PUAN S. BAGIAM A/P AYEM PERUMAL**
TARIKH : **17.12.2013**
SOALAN :

Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah kekurangan guru guru di semua sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Cina setakat ini dan apakah halangan yang dihadapi dan perancangan Kementerian dalam memastikan kekosongan ini dapat diisi dengan segera.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Disember 2013, kekosongan jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41 di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) adalah berjumlah 189 orang, manakala di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) berjumlah 1,579.

Bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran tidak terjejas, kekosongan tersebut akan diisi oleh graduan yang telah diperakui lantikan tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) mulai Januari 2014 selaras dengan pembukaan sesi persekolahan 2014.

Njm47

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATO' JASPAL SINGH**
TARIKH : **17.12.2013**
SOALAN :

Dato' Jaspal Singh minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah garis panduan yang diberi kepada guru sekolah dalam memberi markah 60% bagi para pelajar mengikut 'National Education Blueprint'. Dari segi apakah markah ini akan diberikan dan bagaimana pelaksanaan ini akan memastikan bahawa tiada guru yang sengaja memberi markah rendah kepada pelajar atas alasan isu-isu peribadi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan melaksanakan penambahbaikan terhadap Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) sepenuhnya pada tahun 2016 bagi murid-murid Tahun 6. Justeru, perkembangan prestasi murid akan dinilai melalui **peperiksaan pusat** dengan wajaran **60 peratus** pada Tahun 6 dan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dengan wajaran **40 peratus** yang diambil kira dari Tahun 1 hingga Tahun 6.

Bagi komponen wajaran 60 peratus akademik, peperiksaan pusat bagi Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) 2016 adalah sama seperti yang dilaksanakan sekarang iaitu merangkumi 4 mata pelajaran, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik di sekolah kebangsaan. Manakala bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil mata pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil juga akan ditaksir dalam peperiksaan pusat.

Wajaran Komponen 40 peratus, telah dilaksanakan secara Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) mulai Tahun 1 (2011), yang meliputi dua (2) komponen akademik iaitu Pentaksiran Sekolah (PS) dan Pentaksiran Pusat (PP) serta dua (2) komponen bukan akademik iaitu Pentaksiran Psikometrik (PPsi) dan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PASJK).

Pentaksiran Sekolah (PS) di peringkat sekolah rendah mengguna pakai pentaksiran rujukan standard untuk mentaksir perkembangan dan prestasi murid. Bagi membantu guru-guru dalam membuat pentaksiran tahap penguasaan murid terhadap

pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam sesuatu mata pelajaran, KPM telah menyediakan panduan pengurusan PBS dan Dokumen Standard Prestasi (DSP).

Di samping itu, satu mekanisme penjaminan kualiti pentaksiran yang dikawal selia sepenuhnya di pelbagai peringkat KPM telah dibangunkan untuk memastikan guru-guru melaksanakan aktiviti pentaksiran yang standard dan sekali gus boleh menjamin kualiti dan integriti pentaksiran yang dilakukan.

Kerangka DSP diukur dalam 6 band iaitu Band 1 hingga Band 6. Band 1 adalah peringkat tahu, Band 2 tahu dan faham, Band 3 tahu, faham dan boleh buat dan Band 4.5.6 adalah band tertinggi iaitu tahu, faham, boleh buat dan beradab bestari.

Bagi PBS pula, penilaian dibuat mengikut tanda aras yang ketat seperti yang terkandung dalam panduan pengurusan PBS bagi memastikan guru tidak memberi markah dan penilaian sewenang-wenangnya kepada murid.

Njm48

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB TUAN LIHAN JOK**
TARIKH : **17.12.2013**
SOALAN :

Tuan Lihan Jok minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perkembangan projek pemindahan dan pembinaan baru SK Ubong Imang, Baram Sarawak, yang dicadang untuk dipindahkan ke suatu tapak yang baru dalam kawasan RGC Long Lam. Apakah komponen-komponen yang dibina ini sesuai untuk dijadikan sekolah berpusat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) sentiasa memantau dan mengikuti perkembangan pembangunan di peringkat negeri Sarawak seperti program/projek yang melibatkan pembangunan RGC secara keseluruhan termasuk kawasan RGC Long Lam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini konsep sekolah berpusat tidak lagi diperluas di mana-mana RGC kerana pada penelitian KPM, pembinaan sesebuah sekolah peringkat rendah perlu berada dekat dengan komuniti setempat supaya hak kanak-kanak yang perlu berada bersama keluarganya tidak dinafikan. Setelah melaksanakan projek rintis sekolah berpusat di Sarawak dan Sabah didapati bahawa konsep sekolah berpusat ini kurang sesuai untuk pendidikan peringkat rendah khususnya Tahap 1 (Tahun 1 hingga Tahun 3) yang mana murid-murid tersebut perlu tinggal di asrama, sedangkan mereka belum berupaya menguruskan diri dengan sempurna.

Namun dalam hal yang dibangkitkan ini, KPM akan meminta JPN Sarawak mengkaji keperluan pemindahan dan pembinaan baru Sekolah Kebangsaan Ubong Iman di Baram mengikut syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.

Njm49

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DATO' MUHAMMAD OLIAN B ABDULLAH**

TARIKH : **17.12.2013**

SOALAN :

Dato' Muhammad Olian b Abdullah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status penyediaan infrastruktur ICT terutamanya keupayaan server bagi sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dan sistem semak online yang masih lemah dan apakah cadangan Kerajaan untuk menaiktarafkan sistem ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, jumlah sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang telah mempunyai capaian internet adalah sebanyak 9,898 buah. Daripada jumlah tersebut, 85 peratus atau 8,526 buah sekolah telah dirangkaikan dengan perkhidmatan 1BestariNet, manakala selebihnya iaitu sebanyak 1,372 sekolah dirangkaikan melalui pelbagai pemberi perkhidmatan seperti Telekom Malaysia, *Speedcast* dan lain-lain pemberi perkhidmatan internet. Untuk makluman, sekolah-sekolah ini akan dirangkaikan dengan perkhidmatan 1BestariNet secara berperingkat-peringkat sehingga selesai pada tahun hadapan.

KPM maklum terdapat beberapa kelemahan dalam penggunaan infrastruktur ICT, khususnya keupayaan komputer pelayan (*server*) bagi Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS) dan semak dalam talian. Antara punca utama yang telah dikenal pasti serta langkah penyelesaiannya adalah seperti berikut:

- a) Isu kapasiti pemprosesan yang telah ditetapkan di pusat data;
- b) Aplikasi SPPBS sedia ada memerlukan keupayaan pemprosesan yang tinggi kesan penggunaan teknologi lama;
- c) Jadual kemasukan data yang sangat fleksibel menyebabkan pengguna memasukkan data pada penghujung tahun yang mengakibatkan kesesakan di pusat data

Bagi mengatasi masalah tersebut, KPM mengambil pendekatan baharu dalam pengurusan kapasiti pemprosesan di pusat data secara *on-demand* bagi membolehkan keupayaan pemprosesan ditingkatkan mengikut keperluan. Ini akan memastikan pengguna tidak menghadapi isu *auto log out* atau *server* yang perlahan/tidak dapat

mencapai aplikasi tersebut. KPM juga sedang membangun modul Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang baharu berasaskan teknologi Java dan HTML5 (*Hyper Text Markup Language Version 5*) yang lebih cekap dan ringan berbanding teknologi sebelumnya (pembangunan SPPBS menggunakan pelantar pembangunan *ColdFusion*).

Selain itu, KPM akan melaksanakan beberapa penambahbaikan dalam modul PBS baharu iaitu menyediakan keupayaan *cache* bagi membolehkan PBS terus beroperasi walaupun secara *off-line*. Bagi tujuan mengurangkan beban tugas guru, modul PBS diintegrasikan dalam Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) sebagai *single-window* bagi memasukkan data di sekolah. Untuk menangani isu ini, KPM akan melaksanakan dasar memasukkan data yang sama fleksibel tetapi perlu dilaksanakan secara berkala dalam tempoh masa yang lebih singkat (cadangannya sekali dalam tempoh masa 2 bulan) bagi mengelakkan kesesakan yang dialami pada penghujung tahun.

KPM berharap langkah-langkah penyelesaian yang telah disebutkan dapat menyelesaikan isu dan masalah yang dihadapi oleh guru dalam menggunakan SPPBS dan 1Bestarinet.

Rjm50

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. CIK BATMAVANI KRISHNAN**
TARIKH : **17.12.2013**
SOALAN :

Cik Batmavani Krishnan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada modul individual Education Plan (IEP) Rancangan Pendidikan Individu telahpun dilaksanakan bagi murid-murid OKU bermasalah pembelajaran di taska dan sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berpegang kepada dasar semua murid berkeperluan khas perlu mempunyai Rancangan Pendidikan Individu (RPI). Format RPI bagi murid bermasalah pembelajaran telah dikeluarkan mulai tahun 2000.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah membuat penambahbaikan terhadap format RPI sedia ada agar lebih mudah untuk disediakan oleh guru. Format baharu ini akan diperkenalkan mulai tahun 2014.

Njm51

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATO' MUHAMMAD OLIAN B ABDULLAH**
TARIKH : **18.12.2013**
SOALAN :

Dato' Muhammad Olian b Abdullah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) jumlah pelajar masyarakat Orang Asli dan jumlah keciciran pelajar mengikut semua peringkat pendidikan; dan
- (b) jumlah guru-guru di kalangan masyarakat Orang Asli dan bilangan guru pra sekolah Masyarakat Orang Asli.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada tahun 2013, kadar keciciran pelajar Orang Asli peringkat sekolah rendah yang tidak menamatkan persekolahan hingga ke Darjah 6 sifar peratus (0%). Peratusan keciciran bagi pelajar Orang Asli yang tamat Darjah 6 tetapi tidak menyambung ke Tingkatan 1 adalah 25.24 peratus (mewakili 1,188 pelajar daripada 4,707 pelajar). Manakala peratus keciciran pelajar Orang Asli peringkat sekolah menengah yang tidak menamatkan pendidikan sehingga ke Tingkatan 5 adalah sebanyak 43 peratus (mewakili 1,155 pelajar daripada 2,688 pelajar). Ini bermakna secara keseluruhannya, daripada jumlah pelajar Darjah 1 hingga Tingkatan 5 seramai 2890 (65.34 peratus) tidak menamatkan persekolahan di peringkat menengah dan hanya seramai 1533 pelajar (34.69 peratus) telah menamatkan persekolahan sehingga Tingkatan 5 dan menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keciciran murid Orang Asli jumlah pelajar Orang Asli di institusi pengajian tinggi awam sehingga 31 Mac 2013 adalah seramai 395 orang. Manakala, di institusi pengajian tinggi swasta sehingga 30 November 2013 adalah seramai 99 orang. Selain, itu, di Politeknik adalah seramai 146 orang sehingga Jun 2013 dan 21 orang di Kolej Komuniti sehingga November 2013.

- (b) Jumlah guru-guru di kalangan masyarakat Orang Asli adalah seramai 55 orang di sekolah menengah dan 248 orang di sekolah rendah. Manakala jumlah guru Orang Asli prasekolah adalah tidak di bawah rekod Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' HAJI MUHAMAD YUSOF BIN HUSIN

TARIKH : 18.12.2013

SOALAN :

Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan yang diambil berhubung gesaan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (KPPK) memansuhkan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang didakwa amat membebankan empat ratus ribu warga guru.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menjalankan rintis ke atas 550 buah sekolah rendah pada tahun 2009 untuk melihat kesesuaian Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) sebelum memperkenalkan PBS mulai tahun 2011. **Dapatan rintis tersebut menunjukkan bahawa pihak pentadbir sekolah dan guru bersetuju PBS dilaksanakan dengan adanya bimbingan dan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi yang dipertingkatkan.**

Sehubungan itu, bagi mengatasi isu berkaitan kelemahan dalam teknologi maklumat, KPM terus menerus membuat pemantauan, pengujian talian dan membuat beberapa proses pengoptimasian berkaitan isu auto logout, capaian yang perlahan dan server *error* yang berlaku. Tindakan yang terkini yang sedang dilaksanakan ialah dengan mengintegrasikan SPPBS dengan Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) dengan menambah bilangan server. Sistem '*cache*' akan dilaksanakan di mana data yang telah dimasukkan tidak hanya menggunakan *single window* sahaja. Pengurangan bilangan *evidens* bagi beberapa mata pelajaran tertentu dan penambahbaikan terhadap paparan, kapasiti dan kepenggunaan yang lebih mesra pengguna telah dilaksanakan Kaedah ini diharap dapat memudahkan akses sistem dan lebih mesra pengguna serta tidak menjadi kepada guru.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB TUAN MOHD. KHALID BIN AHMAD**
TARIKH : **18.12.2013**
SOALAN :

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) apakah objektif penswastaaan Education Malaysia Global Services (EMGS) yang telah pun beroperasi sejak bulan Februari 2013 bagi memberi perkhidmatan kepada pelajar asing & IPTS dan apakah kebaikan & kelemahan EMGS jika dibandingkan dengan sistem integrasi pengeluaran visa pelajar terdahulu di antara Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Jabatan Imigresen melalui atas talian; dan
- (b) adakah Kementerian menyedari bahawa selepas EMGS diswastakan, pengeluaran visa pelajar kini telah mengambil masa selama 3 hingga 5 bulan jika dibandingkan sebelum ini dan jika dibiarkan Malaysia akan sukar untuk menjadi an international education hub .

JAWAPAN

(a) dan (b)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa mengambil langkah pro aktif untuk memastikan setiap kemasukan pelajar antarabangsa ke institusi pengajian tinggi swasta di negara ini adalah benar-benar terdiri daripada pelajar yang tulen (genuine). Bagi menjamin ketulenan pelajar yang memasuki Malaysia, penubuhan *Education Malaysia Global Services* (EMGS) sebagai pusat sehenti (One Stop Centre) bagi memproses dan membuat saringan kesahihan dokumen-dokumen permohonan pelajar antarabangsa ke institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) sebelum kepada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi proses pengeluaran pas pelajar.

Syarat-syarat bagi pelajar antarabangsa yang memohon pas pelajar melalui EMGS akan disaring melalui dua peringkat iaitu;

- a) Sebelum memasuki negara (Kelulusan Visa Dengan Rujukan) - Saringan akademik (EMGS)/ Saringan keselamatan(PDRM)/ Saringan imigresen (Jabatan Imigresen).

- b) Selepas Memasuki Negara (Kelulusan Pengeluaran *Stiker Pas*) - Saringan Kesihatan/ Biosekuriti (EMGS).

Pelaksanaan EMGS adalah berdasarkan pencegahan (*preventive*) di mana setiap permohonan secara individu dan berkelompok (institusi) boleh dipantau untuk tujuan penguatkuasaan. Walau bagaimanapun, sekiranya pelajar-pelajar didapati terlibat di dalam aktiviti yang menyalahi undang-undang setelah memasuki Malaysia dan telah mendapat stiker pas, ia akan tertakluk kepada SOP (*Standard Operation Procedure*) Agensi Penguatkuasaan. Untuk makluman, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan JIM boleh mengambil tindakan secara terus terhadap IPT yang didapati cuai dalam proses mengurus dan memantau pelajar-pelajar antarabangsa yang berdaftar di IPT tersebut.

Pelaksanaan EMGS adalah berdasarkan pencegahan (*preventive*) di mana setiap permohonan secara individu dan berkelompok (institusi) boleh dipantau untuk tujuan penguatkuasaan. Walau bagaimanapun, sekiranya pelajar-pelajar didapati terlibat di dalam aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang setelah memasuki Malaysia dan telah mendapat *stiker pas*, ia akan tertakluk kepada SOP Agensi Penguatkuasaan.

Selain itu, Kementerian melalui Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat turut melaksanakan pemantauan pengurusan pelajar antarabangsa di IPTS secara bersepadu bersama agensi kawal selia yang lain seperti JIM dan PDRM dalam usaha membendung kehadiran pelajar antarabangsa yang bermasalah. Semua IPTS yang diberi kelulusan untuk mengambil pelajar antarabangsa oleh Kementerian Dalam Negeri diwajibkan mengemukakan laporan pengurusan pelajar antarabangsa setiap suku tahun kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Pemantauan dan penyeliaan ke atas pelajar antarabangsa di IPTS adalah merupakan program yang dijalankan secara berterusan oleh pihak Kementerian.

Njm54

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATUK CHIN SU PHIN**
TARIKH : **18.12.2013**
SOALAN :

Datuk Chin Su Phin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah Kementerian dalam menangani masalah jenayah di kalangan pelajar sekolah, mengapakah kadar jenayah ini meningkat hampir 3 kali ganda 6 bulan pertama tahun ini berbanding tahun lepas dan adakah bentuk kerjasama yang dijalinkan oleh pihak Kementerian dengan pihak polis sebelum ini tidak berjaya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Dalam tempoh lima tahun (2008-2012), jumlah purata murid terlibat dengan gejala jenayah seperti yang direkodkan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) adalah seramai 1,597 (0.03 peratus) setahun. Manakala dari segi kategori jenayah, jumlah purata murid yang terlibat dengan Jenayah Kekerasan dalam tempoh tersebut adalah seramai 493 (30.9 peratus) orang setahun dan Jenayah harta Benda seramai 1104 (69.1 peratus) orang setahun.

Isu yang melibatkan murid dengan kegiatan jenayah secara keseluruhannya masih berada dalam situasi yang terkawal, di mana antara langkah dan tindakan yang diambil bersama-sama beberapa agensi luar bagi membendungnya adalah seperti berikut;

- a) Mengadakan kerjasama erat bersama pihak PDRM khususnya menerusi program Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) yang sering melawat serta berbincang dengan pihak sekolah bagi mengatasi gejala tersebut;
- b) Melibatkan ibu bapa menerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan masyarakat dalam aktiviti di sekolah;
- c) Menubuhkan Kelab Pencegahan Jenayah (KPJ) di sekolah iaitu dengan kerjasama Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF). Sehingga kini sejumlah 6,082 buah KPJ telah berjaya diwujudkan di sekolah merangkumi 1981 kelab di sekolah menengah dan 4,101 kelab di sekolah rendah.

- d) KPM bersama-sama PDRM dan MCPF, juga telah mengadakan perjumpaan dengan semua murid berisiko di setiap daerah seluruh negara di mana perbincangan dari hati ke hati telah dilakukan agar murid tersebut memahami peranan mereka dan tidak terjebak dengan salah laku jenayah termasuk menjalankan kempen-kempen pencegahan di peringkat sekolah secara berterusan.

- e) Memberi khidmat Bimbingan dan Kaunseling secara berterusan kepada murid yang terlibat.

Njm55

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB PUAN HAJAH KHAIRIAH BINTI MOHAMED**
TARIKH : **18.12.2013**
SOALAN :

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dasar Kerajaan berhubung peraturan pilihanraya kampus dan pemilihan atau pelantikan pimpinan tertinggi Majlis Perwakilan Pelajar Kampus seperti Presiden, Timbalan Presiden dan para exco khususnya pemilihan Presiden Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia oleh Rektor dan bukannya oleh perwakilan pelajar sendiri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara berkaitan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) diperuntukkan di dalam Perlembagaan sesebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Seksyen 8 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] telah menetapkan bahawa Perlembagaan sesebuah IPTA hendaklah mengandungi peruntukan bagi semua perkara yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama Akta.

Seksyen 48 Perlembagaan di Jadual Pertama Akta 30 memperuntukkan bahawa pelajar berdaftar universiti, selain pelajar luar (selepas daripada ini dirujuk sebagai "Kesatuan") hendaklah memilih suatu MPP mengikut cara yang berikut:

- a) Memilih melalui undi rahsia yang dijalankan oleh ketua Kampus, Dekan Fakulti atau Ketua Sekolah, Pusat akademi, Institut, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebilangan pelajar yang sama bilangannya daripada Kampus Cawangan, Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi, Institut itu untuk menjadi wakil dalam MPP, sebagaimana yang ditentukan oleh Naib Canselor; dan
- b) Kesatuan hendaklah memilih dengan undi rahsia yang dijalankan oleh mana-mana Pegawai yang dilantik oleh Naib Canselor bagi maksud itu, beberapa orang pelajar berdaftar, mengikut sebagaimana yang ditentukan oleh Naib Canselor, untuk menjadi wakil MPP, dan bilangan pelajar itu hendaklah, walau bagaimanapun, tidak lebih daripada setengah daripada bilangan wakil yang dipilih di bawah perenggan (a).

Selepas pengundian rahsia tersebut, ahli MPP akan memilih seorang daripada ahlinya untuk menjadi Yang Dipertua, seorang Naib Yang Dipertua, seorang Setiausaha dan seorang Bendahari. Tempoh pemegang jawatan ini adalah selama setahun.

Sehubungan dengan itu, adalah jelas bahawa Akta 30 telah memberikan kuasa kepada IPTA untuk menguruskan proses pemilihan MPP melalui Perlembagaan IPTA masing-masing. Kementerian berpandangan pengurusan IPTA mampu menjalankan amanah yang diberikan ini dengan penuh tanggungjawab bagi memastikan proses pemilihan MPP berjalan lancar dan tidak mengganggu proses pembelajaran di IPTA.

Oleh yang demikian, peraturan pilihan raya kampus Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) adalah berdasarkan Perlembagaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (*Article of Association of International Islamic University Malaysia*)-*Company Act* 1995. Perlembagaan ini telah diguna pakai sejak penubuhan UIAM pada tahun 1983 dengan beberapa penambahbaikan proses pilihanraya perwakilan pelajar serta pemilihan pimpinan tertinggi MPP UIAM.

Walau bagaimanapun, Rektor tidak pernah melantik sendiri pimpinan tertinggi exco MPP di UIAM. Ini kerana dalam konteks UIAM, Rektor telah melantik Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (STADD) sebagai sekretariat untuk melaksanakan proses pemilihan MPP/Pilihan raya Kampus. STADD merupakan sekretariat untuk menguruskan proses pemilihan perlantikan pimpinan tertinggi MPP dan telah lama diguna pakai bagi memilih Presiden MPP serta lain-lain anggota tertinggi MPP di UIAM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perlantikan Presiden MPP UIAM adalah sah dan mengikut perlembagaan UIAM berdasarkan kepada peraturan MPP *IIUM Election of SRC Regulation 2013, Subarticle 38*, berkaitan perlantikan pimpinan MPP UIAM. Proses perlantikan Presiden MPP UIAM telah dijalankan secara berkhemah dan penuh integriti bagi menjamin proses demokrasi dipimpin, pemimpin pelajar UIAM terus dikekalkan. Dengan ini dapat melahirkan pemimpin pelajar yang berdedikasi, wajar serta mempunyai tahap pemikiran yang matang didalam menangani sesuatu isu sama ada diperingkat universiti, nasional dan antarabangsa.

Njm56

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATO' KHAIRUDIN BIN E.S. ABD SAMAD**
TARIKH : **18.12.2013**
SOALAN :

Dato' Khairudin bin E.S. Abd Samad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan ada atau tidak penyelarasan dibuat dengan Kementerian Belia dan Sukan atau agensi-agensi sukan yang lain tentang atlet-atlet sukan yang berpotensi yang akan meninggalkan bangku sekolah. Jika ada, sejauh mana penyelarasan ini berkesan dalam meningkatkan mutu sukan negara.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Dalam usaha menyelaraskan dan membangunkan sukan negara, dua (2) jawatankuasa yang melibatkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM ialah Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan (JKKPS) dan Jawatankuasa Bersama KBS/ KPM dan KPT Program Pembangunan Sukan (JKB KBS/KPM/KPT).

JKKPS telah diwujudkan pada tahun 2004 yang lalu. JK ini dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak. Manakala, JKB (KBS/KPM/KPT) dipengerusikan oleh YB Menteri Belia dan Sukan. Jawatankuasa ini diwujudkan untuk menyelaraskan pembangunan sukan secara bersama.

Selain itu, KPM juga sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan(KBS) khususnya Majlis Sukan Negara dalam bidang kejurulatihan sukan. Dengan kewujudan tenaga jurulatih tersebut dapat membantu mengenal pasti atlet –atlet yang berpotensi dan seterusnya meningkatkan prestasi atlet terutamanya yang berada di Sekolah Sukan Malaysia (SSM) menerusi pelbagai program Palapes dan Elit.

Seterusnya, atlet –atlet yang berpotensi dan berjaya ini diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran ke IPT dalam pelbagai bidang dan seterusnya meneruskan kecemerlangan sukan ketika berada di universiti.

Namun, atlet yang tidak termasuk dalam program MSN atau dapat melanjutkan pelajaran ke IPT, tanggungjawab untuk meningkatkan mutu sukan adalah terletak pada Persatuan Sukan Kebangsaan, Majlis Sukan Negara dan Majlis Sukan Negeri.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI MUHAMAD YUSOF BIN HUSIN
TARIKH : 18.12.2013
NO. SOALAN :

Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah puncanya keputusan UPSR 2013 menunjukkan murid yang lulus semua A bagi negeri Sabah (5%) dan Sarawak (4.46%) jauh lebih rendah dibandingkan negeri-negeri Semenanjung yang mencapai antara 8.49% dan 14.41% dan apakah usaha untuk meningkatkan taraf pendidikan di Sabah dan Sarawak setaraf negeri-negeri di semenanjung.

JAWAPAN

Tuan yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan pelbagai langkah untuk meningkatkan prestasi sekolah di luar bandar termasuklah di Sabah dan Sarawak bagi memastikan prestasi murid dalam peperiksaan awam termasuklah Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) meningkat, antaranya:

- a) Mengadakan Program Transformasi Daerah (SIP+) dengan menempatkan pembimbing pakar (SISC+) bagi membantu guru dan rakan pembimbing *SIPartner+* bagi membantu guru besar/pengetua di sekolah;
- b) Memperuntukkan dana bagi menambah baik infrastruktur asas;
- c) Meningkatkan bantuan kewangan (contoh: Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin- KWAPM) yang dikaitkan dengan keberhasilan; dan
- d) Menyediakan insentif kepada guru dan pemimpin sekolah di sekolah luar bandar

Njm58

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATUK DR. LUCAS UMBUL**
TARIKH : **18.12.2013**
SOALAN :

Datuk Dr. Lucas Umbul minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha-usaha Kementerian menyediakan kemudahan infrastruktur sekolah-sekolah daif luar bandar di Negeri Sabah dan bagaimana menangani masalah kekurangan kelas sehinggakan rumah guru terpaksa dijadikan kelas. Bagaimana Kementerian membuat pemantauan pada setiap projek sekolah yang dilaksanakan di luar bandar agar benar-benar menepati speksifikasi dan kualiti.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai Kementerian yang telah diamanahkan dan dipertanggungjawab dalam pembangunan modal insan negara sentiasa menfokuskan kepada akses dan ekuiti pendidikan yang melibatkan kebajikan, keselesaan dan kemudahan asas kepada semua sekolah termasuk sekolah-sekolah daif luar bandar di Negeri Sabah KPM juga sentiasa berusaha memperkasakan kemudahan infrastruktur sekolah-sekolah daif luar bandar di negeri Sabah. Walau bagaimanapun dengan peruntukan yang terhad, pihak Kementerian hanya dapat memberikan keutamaan kepada sekolah-sekolah yang benar-benar kritikal.

Melalui perancangan jangka pendek KPM sudah memantapkan sistem pengurusan maklumat audit fizikal sekolah melalui sistem EMIS bagi pihak pentadbiran dan pengurusan sekolah membuat pelaporan yang betul supaya menepati keperluan sebenar yang diperlukan.

Pengurusan dan pelaksanaan berkaitan keperluan naik taraf sekolah telah dipantau secara terbaik oleh pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan diberikan pertimbangan sewajarnya oleh pihak PPD yang menjadi wakil KPM di peringkat daerah. Pihak sekolah perlu mengikut saluran yang betul dalam mengemukakan permohonan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh KPM.

Bagi tujuan pemantauan, Kementerian telahpun melantik perunding untuk melaksanakan projek-projek di luar bandar. Perunding akan membuat pemantauan pada setiap projek dan memastikan kerja dilaksanakan mengikut spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan.

Njm59

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATUK HAJAH NORIAH BINTI MAHAT**
TARIKH : **18.12.2013**
SOALAN :

Datuk Datuk Hajah Noriah binti Mahat minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk memperkasakan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) sama ada dari segi urus tadbirnya mahupun proses pengajaran dan pembelajaran.(PdP)

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dalam melaksanakan program dan aktiviti untuk memperkasakan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) sama ada dari segi urus tadbirnya mahupun proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Di antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh KPM seperti berikut:

- a) Semua guru di SABK yang tidak ikhtisas dan memenuhi syarat diberi peluang mengikuti latihan perguruan di Institut Pendidikan Guru seluruh negara;
- b) Kursus Kepengetuaan kepada semua pengetua 200 SABK yang dikendalikan oleh Institut Aminuddin Baki;
- c) Kursus Pemantapan Pengurusan dan Pentadbiran kepada semua Guru Penolong Kanan 200 SABK yang dikendalikan oleh Institut Aminuddin Baki;
- d) Kursus peningkatan kemahiran pedagogi untuk STAM;
- e) Kursus peningkatan profesionalisme Guru Kanan Matapelajaran untuk 200 SABK.dan
- f) Kursus Pengurusan Kewangan, Perakuan Sekolah, Perkhidmatan dan Tatatertib kepada Ketua Pembantu Tadbir dan Pembantu Tadbir SABK

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' KHAIRUDIN BIN E.S. ABD SAMAD**
TARIKH : **19.12.2013**
SOALAN :

Dato' Khairudin bin E.S. Abd Samad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan dan kerjasama yang telah dimainkan oleh Jawatankuasa dalam menangani masalah disiplin pelajar yang melibatkan Kerajaan dalam menangani masalah disiplin pelajar yang melibatkan kerajaan tempatan dan NGO-NGO dalam menangani masalah disiplin dan salah laku pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang berhormat, bagi menangani masalah disiplin dalam kalangan murid, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah bekerjasama dengan pihak kerajaan tempatan dan organisasi bukan kerajaan. Langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- a) Mewujudkan kerjasama erat bersama pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) khususnya menerusi program Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) yang sering melawat serta berbincang dengan pihak sekolah bagi mengatasi gejala tersebut.
- b) Melibatkan ibu bapa menerusi PIBG dan masyarakat dalam aktiviti di sekolah.
- c) Menubuhkan Kelab Pencegahan Jenayah (KPJ) di sekolah iaitu dengan kerjasama Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF). Aktiviti serta jumlah **Kelab Pencegahan Jenayah** (KPJ) di sekolah telah diperkembangkan dengan menumpu kepada golongan sasaran yang berisiko di sekolah.
- d) Bekerjasama dengan pihak PDRM dan MCPF bagi melaksanakan aktiviti pencegahan jenayah di peringkat negeri dan daerah. Pada tahun 2010, KPM telah mengarahkan semua Jabatan Pelajaran Negeri untuk melaksanakan aktiviti khusus di peringkat masing-masing bersama PDRM dan MCPF.

- e) Perbincangan juga telah diadakan bersama pihak PDRM agar usaha **memperluaskan Kor Kadet Polis** lakukan. Sehingga tahun 2008, sejumlah 2,534 platun Kor Kadet Polis telah diwujudkan di 1784 buah sekolah seluruh negara. Jumlah anggotanya adalah seramai 88,690 orang.

Isu yang melibatkan disiplin murid secara keseluruhannya berada dalam situasi yang terkawal. Statistik salah laku disiplin murid yang direkodkan oleh KPM dalam tempoh lima (5) tahun (2009 hingga 2013) menunjukkan ianya berada pada **kadar purata 2.04 peratus setahun**. Kes-kes disiplin yang disebutkan termasuklah kes-kes yang berat seperti memukul, bergaduh, ponteng sekolah serta kes-kes disiplin yang ringan seperti kekemasan diri. Hal ini menunjukkan bahawa sekitar 2 hingga 3 peratus bilangan murid yang masih perlu diberi perhatian sewajarnya. Pada tahun 2013, isu disiplin dalam kalangan murid berada **pada kadar 2.01 peratus**. Bilangan ini menunjukkan penurunan sebanyak 0.02 peratus berbanding tempoh yang sama tahun 2012 iaitu pada kadar 2.03 peratus.

Penurunan kadar peratusan salah laku murid sepanjang lima tahun ini menunjukkan kejayaan langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh pihak KPM. Seterusnya KPM akan meneruskan lagi usaha ini di masa-masa akan datang.

Njm61

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB PUAN ROSLIN BINTI HAJI ABDUL RAHMAN**
TARIKH : **19.12.2013**
SOALAN :

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah yang diambil bagi pelaksanaan cadangan untuk menaik taraf Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) sebagai Universiti Pendidikan Guru Malaysia (UPGM) selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selari dengan status dan peranan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dalam memenuhi tanggungjawab melahirkan guru berkualiti, pada tahun ini pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberi tanggungjawab kepada IPGM untuk melaksanakan salah satu daripada 25 inisiatif utama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 iaitu “**Transformasi IPG Untuk Meningkatkan Kualiti Latihan Guru**”. Inisiatif ini merupakan empat aktiviti di bawah NKRA menerusi inisiatif Piagam Guru Baharu (*New Teachers' Charter*) GTP 2.0.

- a) **Kempen Berprofil Tinggi bagi Menarik Calon Terbaik (High Profile Marketing-IPGM)**. Aktiviti ini mensasarkan kepada usaha menarik 30 peratus pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi menyertai profesion perguruan khususnya di IPG. Antara strategi yang dilaksanakan ialah dengan mengadakan promosi di sekolah-sekolah Berasrama penuh, menyertai Karnival pendidikan (seperti Jom Masuk U) serta melancarkan iklan di media.
- b) **Akauntabiliti Institut Perguruan Melalui Panarafan Institut Pendidikan Guru (Rating-IPGM)**. Aktiviti ini merupakan satu usaha ke arah memberi penarafan (*rating*) kepada semua 27 kampus IPG seluruh negara sebagaimana yang telah dilaksanakan kepada semua IPTA. Dijangkakan usaha penarafan ini akan selesai pada akhir tahun 2013.
- c) **Pengukuhan Latihan Perguruan Melalui Latihan Praktikum (Practicum-IPGM)**. Aktiviti ini dijalankan menerusi strategi dengan memberi latihan bimbingan praktikum kepada 750 orang guru pembimbing di seluruh negara 450 guru sekolah rendah 300 guru sekolah menengah).

- d) **Pembangunan Profesionalisme dan Pengurusan Prestasi Untuk Pensyarah di IPG (Revamped-IPGM).** Aktiviti ini melibatkan 550 orang pensyarah diberi kursus pedagogi (*Subject Matter Expert*) selain menjalankan perkongsian intelek untuk 500 orang pensyarah.

Njm62

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB PUAN HAJAH MARIANY BINTI MOHAMMAD YIT**
TARIKH : **19.12.2013**
SOALAN :

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci masalah-masalah yang dihadapi di dalam Aplikasi Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS) dan bagaimanakah Kerajaan mengambil langkah yang lebih efektif dan drastik untuk menaiki araf kelemahan akses sistem ini agar ia tidak membebankan tugas guru-guru sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedia maklum terdapat beberapa kelemahan dalam penggunaan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), khususnya keupayaan komputer pelayan (*server*) bagi Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS) dan semak dalam talian. Antara punca utama yang telah dikenal pasti serta langkah penyelesaiannya adalah seperti berikut:

- a) Isu kapasiti pemprosesan yang telah ditetapkan di pusat data;
- b) Aplikasi SPPBS sedia ada memerlukan keupayaan pemprosesan yang tinggi kesan penggunaan teknologi lama;
- c) Jadual kemasukan data yang sangat fleksibel menyebabkan pengguna memasukkan data pada penghujung tahun yang mengakibatkan kesesakan di pusat data.

Bagi mengatasi masalah tersebut, KPM mengambil pendekatan baharu dalam pengurusan kapasiti pemprosesan di pusat data secara *on-demand* bagi membolehkan keupayaan pemprosesan ditingkatkan mengikut keperluan. Ini akan memastikan pengguna tidak menghadapi isu *auto log out* atau server yang perlahan/tidak dapat mencapai aplikasi tersebut. Inilah masalah pokok yang dihadapi contohnya seorang guru mengambil lebih kurang masa 1 minit 45 saat untuk memasukkan data seorang murid. KPM juga sedang membangun modul Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang baharu berasaskan teknologi Java dan HTML5 (*Hyper Text Markup Language*

Version 5) yang lebih cekap dan ringan berbanding teknologi sebelumnya (pembangunan SPPBS menggunakan pelantar pembangunan *ColdFusion*).

Selain itu, KPM akan melaksanakan beberapa penambahbaikan dalam modul PBS baharu iaitu menyediakan keupayaan *cache* bagi membolehkan PBS terus beroperasi walaupun secara *off-line*. Bagi tujuan mengurangkan beban tugas guru, modul PBS diintegrasikan dalam Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) sebagai *single-window* bagi kemasukan data di sekolah. Untuk menangani isu ini, KPM akan melaksanakan dasar kemasukan data yang sama fleksibel tetapi perlu dilaksanakan secara berkala dalam tempoh masa yang lebih singkat (cadangannya sekali dalam tempoh masa 2 bulan) bagi mengelakkan kesesakan yang dialami pada penghujung tahun.

KPM berharap langkah-langkah penyelesaian yang telah disebutkan dapat menyelesaikan isu dan masalah yang dihadapi oleh guru dalam menggunakan SPPBS dan 1Bestarinet.

Njm63

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATO' JASPAL SINGH**
TARIKH : **19.12.2013**
SOALAN :

Dato' Jaspal Singh minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status pelaksanaan 1 Bestari Net sejak pelancarannya. Berapakah jumlah peruntukkan bagi projek ini, dan berapakah telah diutilisasikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek 1BestariNet adalah merupakan salah satu usaha Kerajaan untuk membolehkan institusi pendidikan amnya dan murid-murid khususnya mendapat akses kepada maklumat selain terlibat sama dalam penciptaan kandungan pendidikan. Sehingga kini, jumlah sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang telah mempunyai capaian internet adalah sebanyak 9,898 buah.

Daripada jumlah tersebut, 85 peratus atau 8,526 buah sekolah telah dirangkaikan dengan perkhidmatan 1BestariNet, manakala selebihnya iaitu sebanyak 1,372 sekolah dirangkaikan melalui pelbagai pemberi perkhidmatan seperti Telekom Malaysia, *Speedcast* dan lain-lain pemberi perkhidmatan internet. Untuk makluman, sekolah-sekolah ini akan dirangkaikan dengan perkhidmatan 1BestariNet secara berperingkat-peringkat sehingga selesai pada tahun hadapan.

Njm64

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' LIM NGET YOON**
TARIKH : **19.12.2013**
SOALAN :

Dato' Lim Nget Yoon minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah diambil oleh pihak Kementerian untuk menghapuskan pengambilan dadah oleh pelajar-pelajar sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedar perbuatan mengguna dadah merupakan satu masalah serius kepada negara. Sebagai institusi pendidikan, sekolah mempunyai peranan dalam usaha membendung merebaknya perbuatan mengguna dadah dalam kalangan murid sekolah terutama di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan.

Pelbagai program intervensi dilaksanakan di peringkat sekolah dan KPM turut mempunyai rakan sinergi yang kuat seperti pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Petronas. Bagi murid-murid yang terlibat dengan dadah, program-program pemulihan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a) Kaunseling Pendidikan Pencegahan Dadah di sekolah
Ibu bapa / penjaga murid-murid yang dikesan melalui ujian urin dan tangkapan polis akan dipanggil ke sekolah untuk proses konsultasi. Murid-murid yang terlibat perlu melalui proses kaunseling secara berjadual.
- b) Ibu bapa dinasihati untuk membawa anak-anak yang terlibat dadah merujuk Klinik *Cure & Care* Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) selepas waktu persekolahan bagi memastikan murid-murid berkenaan bebas daripada dadah.
- c) Program Intervensi bersama-sama AADK.

Aktiviti-aktiviti pendidikan pencegahan dadah yang sering dilaksanakan di peringkat sekolah pula adalah seperti berikut:

- a) Sambutan Minggu PPDa.
 - Ceramah PPDa
 - Pameran PPDa

- b) Mesej 5 Minit Antidadah.
- c) Skim Lencana Antidadah (SLAD).
- d) Sisipan PPDa dalam kurikulum melalui Subjek Pendidikan Jasmani / Kesihatan dan Sains.
- e) Pelaksanaan Bilik/laluan PPDa.

Njm65

PEGAWAI PENYEDIA DAN PEGAWAI PENYEMAK JAWAPAN PARLIMEN

Rujukan Soalan :

N/19/12/05	NJM64
------------	-------

1. Jabatan/Bahagian : **Bahagian Pengurusan Sekolah Harian**

Pegawai Penyedia

Nama :

Jawatan :

No. Telefon : No. H/P :

Pegawai Penyemak

Nama :

Jawatan :

No. Telefon : No. H/P :

2. **Jabatan/Bahagian** :

Pegawai Penyedia

Nama :

Jawatan :

No. Telefon : No. H/P :

Pegawai Penyemak

Nama :

Jawatan :

No. Telefon : No. H/P :

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB PUAN HAJAH ROHANI BINTI ABDULLAH**
TARIKH : **19.12.2013**
SOALAN :

Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan enrolmen (kemasukan) kanak-kanak prasekolah berusia empat hingga enam tahun bagi tahun 2012 dan 2013 serta jangkaan bagi 2014 dan nyatakan setakat manakah pencapaian kadar penyertaan murid prasekolah selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2012, bilangan enrolmen kanak-kanak berusia 4+ dan 5+ adalah seramai 768,145. Peratus penyertaan murid prasekolah pada tahun 2012 adalah 80.5 peratus. Sehingga 2013, bilangan kanak-kanak yang berdaftar dan datanya dapat dikutip sehingga kini adalah seramai 788,074 orang daripada jumlah kelahiran seramai 972,209 orang yang melibatkan kohort umur 4+ dan 5+. Peratusannya adalah sebanyak 81.06 peratus.

Sasaran penyertaan murid prasekolah pada tahun 2014 seperti yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 pula adalah 90 peratus. Oleh itu, bagi mencapai sasaran tersebut, seramai 897,314 kanak-kanak berusia 4+ dan 5+ mesti mengikuti pendidikan prasekolah tidak kira prasekolah yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, KEMAS, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan pihak swasta.

Njm66

No :

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. PUAN CHEW LEE GIOK**
TARIKH : **19.12.2013**
SOALAN :

Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perkembangan tentang rancangan pemansuhan PMR.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mulai tahun 2014, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan melaksanakan penambahbaikan terhadap Penilaian Menengah Rendah (PMR) seperti Arahan tersebut adalah berdasarkan Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan Bil.2 Tahun 2011.

Penambahbaikan PMR membawa maksud bahawa penilaian di peringkat menengah rendah masih dilaksanakan tetapi bukan dalam bentuk peperiksaan pusat. Penilaian akan dilaksanakan melalui Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang merangkumi empat (4) komponen (Pentaksiran Sekolah, Pentaksiran Pusat, Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum dan Pentaksiran Psikometrik) melalui pelaporan yang memberi gambaran lebih menyeluruh dan holistik tentang potensi murid. Perkara yang ditaksir adalah pengetahuan, kefahaman, kemahiran dan nilai yang menjurus kepada pentaksiran profil, pencapaian, perkembangan dan penyertaan murid.

Pelaksanaan PBS juga memberi autonomi kepada guru untuk melaksanakan pentaksiran formatif dan sumatif yang berasaskan sekolah dan memberi pengiktirafan terhadap sumbangan guru dalam pencapaian murid. Penjaminan kualiti yang merangkumi aktiviti pementoran, pemantauan, penyelarasan, dan pengesanan, dilaksanakan di semua peringkat bagi menjamin kesahan dan kebolehpercayaan pentaksiran.

Njm67

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DR. ARIFFIN BIN S.M. OMAR**
TARIKH : **19.12.2013**
SOALAN :

Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk menentukan bahawa makanan dan minuman yang dijual di kantin sekolah-sekolah di negara ini selamat dan bermutu tinggi supaya kesihatan pelajar-pelajar kita tidak terjejas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan Buku Laporan Kendiri Kantin untuk tujuan pemantauan pengusaha kantin dan kualiti serta jenis makanan yang disediakan. Pihak pengusaha kantin sekolah perlu mengisi buku ini setiap hari untuk memastikan kualiti makanan dan keadaan keseluruhan kantin dan ia perlu disahkan oleh pihak pengurusan sekolah untuk memastikan kualiti makanan dan pengendalian makanan adalah pada tahap yang tinggi.

Selain daripada itu, KPM bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memberi penarafan terhadap kantin sebagai langkah pemantauan. KPM juga telah menyediakan garis panduan kantin sihat yang mesti dipatuhi oleh pihak sekolah serta pengusaha kantin. Pihak sekolah boleh menamatkan kontrak kantin sekiranya pihak pengusaha kantin tidak mematuhi garis panduan kantin sihat.

KPM menekankan cara hidup sihat dalam memastikan murid-murid dididik kaedah mengamalkan pemakanan sihat. Poster serta menu yang dilengkapkan dengan jumlah kalori dipaparkan di kawasan sekolah dan guru pendidikan jasmani diminta juga untuk memberikan didikan berkaitan cara hidup sihat. Murid-murid juga didedahkan juga dengan jumlah kalori yang digunakan sekiranya melaksanakan aktiviti-aktiviti.

Njm68

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' DR. MASHITAH BINTI IBRAHIM**
TARIKH : **19.12.2013**
SOALAN :

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tentangan terhadap Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang telah dilaksanakan sejak 2011 di kalangan guru-guru yang dianggap pelaksanaannya kini telah membebankan tugas perguruan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedia maklum terdapat beberapa kelemahan dalam penggunaan infrastruktur teknologi komunikasi maklumat (ICT), khususnya keupayaan komputer pelayan (*server*) bagi Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS) dan semak dalam talian. Antara punca utama yang telah dikenal pasti serta langkah penyelesaiannya adalah seperti berikut:

- a) Isu kapasiti pemprosesan yang telah ditetapkan di pusat data;
- b) Aplikasi SPPBS sedia ada memerlukan keupayaan pemprosesan yang tinggi kesan penggunaan teknologi lama;
- c) Jadual kemasukan data yang sangat fleksibel menyebabkan pengguna memasukkan data pada penghujung tahun yang mengakibatkan kesesakan di pusat data

Bagi mengatasi masalah tersebut, KPM mengambil pendekatan baharu dalam pengurusan kapasiti pemprosesan di pusat data secara *on-demand* bagi membolehkan keupayaan pemprosesan ditingkatkan mengikut keperluan. Ini akan memastikan pengguna tidak menghadapi isu *auto log out* atau server yang perlahan/tidak dapat mencapai aplikasi tersebut. KPM juga sedang membangun modul Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang baharu berasaskan teknologi Java dan HTML5 (*Hyper Text Markup Language Version 5*) yang lebih cekap dan ringan berbanding teknologi sebelumnya (pembangunan SPPBS menggunakan pelantar pembangunan *ColdFusion*).

Selain itu, KPM akan melaksanakan beberapa penambahbaikan dalam modul PBS baharu iaitu menyediakan keupayaan *cache* bagi membolehkan PBS terus beroperasi walaupun secara *off-line*. Bagi tujuan mengurangkan beban tugas guru, modul PBS diintegrasikan dalam Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) sebagai *single-window* bagi kemasukan data di sekolah. Untuk menangani isu ini, KPM akan melaksanakan dasar kemasukan data yang sama fleksibel tetapi perlu dilaksanakan secara berkala dalam tempoh masa yang lebih singkat (cadangannya sekali dalam tempoh masa 2 bulan) bagi mengelakkan kesesakan yang dialami pada penghujung tahun.

KPM berharap langkah-langkah penyelesaian yang telah disebutkan dapat menyelesaikan isu dan masalah yang dihadapi oleh guru dalam menggunakan SPPBS dan 1Bestarinet.

Njm69

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATUK HAJAH NORIAH BINTI MAHAT**
TARIKH : **19.12.2013**
SOALAN :

Datuk Hajah Noriah binti Mahat minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian terhadap kedudukan UiTM sebagai institusi pengajian tinggi awam untuk Bumiputera demi bagi membangunkan modal insan yang berjaya dan mampu bersaing dengan kaum-kaum yang lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah ditubuhkan di bawah Akta Universiti Teknologi Mara 1976 (Akta 173). Sehingga kini, dasar Kementerian Pendidikan Malaysia adalah jelas iaitu UiTM ditubuhkan khusus untuk memberi Pendidikan Tinggi kepada pelajar bumiputera termasuk pelajar bumiputera Sabah dan Sarawak di semua peringkat pengajian iaitu Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD).

Kedudukan UiTM sebagai sebuah institusi yang dirizabkan khusus untuk bumiputera mesti dikekalkan dan diteruskan atas sebab-sebab sosio-ekonomi dan politik seperti berikut:

- a) Golongan Bumiputera masih lagi kurang diwakili di dalam bidang profesional;
- b) Bilangan pelajar Bumiputera yang layak untuk memohon kemasukan ke UiTM jauh melebihi bilangan tempat yang sedia ada di UiTM;
- c) Adalah perkara biasa di negara-negara asing untuk institusi pengajian tinggi untuk dikhususkan untuk golongan yang kurang bernasib baik dan golongan terpinggir. Contohnya, di India terdapat beberapa universiti awam yang dikhususkan untuk golongan wanita sahaja.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB TUAN HAJI AHAMAT @ AHAMAD BIN YUSOP**
TARIKH : **19.12.2013**
SOALAN :

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kriteria yang digunapakai dalam penentuan kelulusan permohonan pertukaran guru dan apakah statistik permohonan yang diterima serta peratusan diluluskan dan ditolak untuk lima tahun lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mempunyai dasar yang telus dan terbuka bagi justifikasi pertukaran dan penempatan. Pertukaran guru dilaksanakan dua (2) kali setahun iaitu pada 1 Januari dan 1 Jun setiap tahun. Proses pertukaran guru melibatkan permohonan pertukaran antara negeri, antara daerah dan dalam daerah, dan guru boleh memohon untuk bertukar ke lokasi yang mereka kehendaki secara atas talian melalui Sistem e-GTukar.

Kriteria utama yang diambil kira dalam penentuan penempatan guru baharu dan juga kelulusan pertukaran guru ialah keperluan perkhidmatan dan kekosongan opsyen yang terdapat di negeri. Bilangan guru di sesebuah negeri tidak boleh melebihi bilangan yang diluluskan mengikut waran perjawatan negeri berkenaan. KPM juga perlu memastikan keperluan opsyen yang kritikal diisi dengan guru opsyen berkenaan agar murid mendapat tenaga pengajar yang kompeten dan mencukupi.

Pada tahun 2011 sebanyak 29,532 permohonan diterima oleh KPM. Hal ini terdiri daripada 16,938 permohonan pertukaran daripada sekolah rendah dan 12,594 permohonan daripada guru sekolah menengah. Namun hanya 26.07 peratus sahaja yang diluluskan. Ini merangkumi 4,710 permohonan daripada guru sekolah rendah dan 2,989 permohonan daripada guru sekolah menengah.

Manakalan pada tahun 2012 sebanyak 36,133 permohonan pertukaran guru diterima iaitu merangkumi 19,678 permohonan guru sekolah rendah dan 16,455 permohonan guru sekolah menengah. Daripada jumlah ini, hanya 18.93 peratus permohonan diluluskan iaitu merangkumi 2,778 guru sekolah rendah dan 4,063 guru sekolah menengah.

Manakalan pada tahun 2013 sebanyak 39,497 permohonan pertukaran guru diterima iaitu merangkumi 22,212 permohonan guru sekolah rendah dan 17,285 permohonan guru sekolah menengah. Daripada jumlah ini, hanya 17.67 peratus permohonan diluluskan iaitu merangkumi 4,623 guru sekolah rendah dan 2,197 guru sekolah menengah.

Kriteria lain yang diguna pakai dalam menentukan kelulusan permohonan pertukaran guru antara Bahagian/Negeri/dalam Negeri dan dalam daerah seperti ancaman keselamatan, sakit kronik, mengikut pasangan dan cukup tempoh perkhidmatan. Walau bagaimanapun kriteria utama kelulusan permohonan pertukaran ialah keperluan dan kekosongan jawatan di negeri dipohon.

Njm71

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' SYED IBRAHIM BIN KADER**
TARIKH : **19.12.2013**
SOALAN :

Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mata pelajaran Sejarah telah pun dijadikan mata pelajaran wajib lulus. Tahniah kepada Kementerian Pendidikan dan Kerajaan Malaysia. Langkah ini amat tepat pada masanya. Apakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menjadikan mata pelajaran Matematik dan Sains juga sebagai mata pelajaran wajib lulus memandangkan kedua-dua mata pelajaran ini sangat penting untuk pembangunan individu dan juga negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mata pelajaran Sains dan matematik merupakan mata pelajaran teras yang perlu dipelajari oleh semua murid dan menduduki peperiksaan awam. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tiada perancangan untuk menjadikan mata pelajaran Sains dan Matematik sebagai mata pelajaran wajib lulus.

Walau bagaimanapun dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan memastikan murid-murid menguasai bukan sahaja kemahiran sains dan matematik, malah teknologi dan kejuruteraan, atau dikenali sebagai STEM. Hal ini penting bagi menyediakan tenaga kerja yang berorientasikan sains dan teknologi untuk masa hadapan. Bagi memenuhi Dasar 60:40 Aliran Sains/Teknikal:Sastera, maka, pendidikan STEM adalah signifikan dan diberi lebih tumpuan berbanding aliran sastera dan telah bermula dalam gelombang 1, PPPM (2013-2015) yang bermula tahun 2013 hingga 2015.

Njm72

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATO' SYED IBRAHIM BIN KADER**
TARIKH : **19.12.2013**
SOALAN :

Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah pihak Kementerian mewajibkan semua graduan wajib lulus MUET Band 4 sebelum penganugerahan Ijazah, adakah tepat pada masanya. Mohon penjelasan Menteri kepada perkara berikut:-

- (a) Statistik bilangan pelajar yang lulus dan gagal (mengikut band) untuk MUET dari tahun 2007 hingga 2012 mengikut negeri dan kaum; dan
- (b) langkah-langkah yang diambil Kerajaan untuk meningkatkan tahap penguatkuasaan Bahasa Inggeris di Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah selepas pemansuhan PPSMI.

JAWAPAN

Jawapan (a) dan (b)

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysian Universities English Test (MUET) merupakan peperiksaan tahap kompetensi Bahasa Inggeris di Malaysia bermula dari pengambilan tahun 2000 bagi tujuan kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi (IPT) bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Majlis Pendidikan Tinggi Negara (MPTN) bil. 4/98 pada 22 Disember 1998, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (kini **Kementerian Pendidikan Malaysia**) telah menetapkan:

- a) MUET wajib diduduki oleh semua pelajar sebelum diterima masuk ke IPTA/IPTS;
- b) Semua pelajar IPTA yang tidak mencapai tahap yang ditetapkan semasa ujian kemasukan, perlu mengikuti kelas bahasa Inggeris dan lulus ujian yang ditetapkan oleh universiti sebelum menamatkan pengajian bagi tujuan pengijazahan; dan

- c) Pelajar hanya perlu menduduki peperiksaan MUET sebelum diterima masuk ke IPTA, dan pihak Fakulti/Sekolah/Program akan menentukan penempatan pelajar dalam program pengajian berdasarkan tahap pencapaian akademik pelajar termasuklah keputusan MUET.

Keputusan di atas masih diguna pakai bagi tujuan keseragaman syarat minimum kemasukan ke IPTA tempatan. Pada masa ini, IPTA meletakkan syarat kelulusan minimum MUET pada di tahap Band 1. Walau bagaimanapun, kelulusan pada tahap yang lebih tinggi adalah perlu bagi program pengajian yang memerlukan penguasaan bahasa Inggeris seperti program perubatan, pergigian, undang-undang dan TESL. Sebagai contoh, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menetapkan syarat kemasukan pelajar Sarjana Muda Kejururawatan dengan Kepujian adalah MUET Band 3. Manakala, MUET Band 4 adalah bagi pelajar Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian (Pengajian Bahasa Inggeris). Selain itu, Universiti Malaya menetapkan pelajar Sarjana Muda Undang-undang atau Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua) perlu mendapat Band 4 sebagai syarat kemasukan dan Sarjana Muda Perakaunan perlu mendapat Band 3.

Njm73

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA: DATO' HAJI MUHAMAD YUSOF BIN HUSIN

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan nama-nama IPTS di seluruh negeri Kedah yang mendapat pengiktirafan dari 'Malaysian Qualification Agency' (MQA) dan nyatakan kaedah yang digunakan untuk memberi pengiktirafan tersebut.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pemberi Pengajian Tinggi (PPT) swasta di negeri Kedah yang direkodkan dalam Daftar Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Register*, MQR) sehingga 25 November 2013 :

- a) Universiti Antarabangsa Albukhary
- b) *University Asian Institute of Medicine, Science & Technology* (AIMST)
- c) Universiti Kuala Lumpur - Malaysian Spanish Institute (UniKL MSI)
- d) Kolej Universiti Insaniah (KUIIN)
- e) Institut Hasani Kedah
- f) Institut Pengurusan Teknologi Utara
- g) Institut Profesional
- h) Institut Teknologi Tun Abdul Razak (ITTAR Alor Setar)
- i) Institut Teknologi ANS
- j) Kolej Poly-Tech MARA Alor Setar
- k) Kolej PTPL Cawangan Sungai Petani
- l) Kolej Teknologi Antarabangsa Cosmopoint Cawangan Sungai Petani

Secara umumnya, sebelum pihak PPT menjalankan program pengajian, mereka hendaklah mengemukakan permohonan tersebut kepada pihak MQA. Setelah melalui proses penilaian, sesuatu program itu akan diberikan *Certification of Quality Compliance* (CQC) untuk membolehkan permohonan kelulusan pengendalian program dibuat kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sebaik sahaja mendapat kelulusan (tempoh kelulusan 5 tahun) menjalankan program daripada KPM, pihak PPT bolehlah membuat permohonan untuk surat perakuan Akreditasi Sementara kepada MQA.

Kemudian, pihak PPT adalah bertanggungjawab mengemukakan permohonan untuk mendapatkan Akreditasi Penuh apabila sesuatu program itu matang. Biasanya, permohonan untuk mendapatkan Akreditasi Penuh dilakukan apabila kumpulan pertama pelajar program berkenaan memasuki tahun akhir pengajian. Untuk tujuan itu, satu lawatan penilaian oleh Panel Penilai ke PPT akan diadakan sebelum sesuatu program diberikan Akreditasi Penuh.

Untuk makluman, MQA tidak memberikan pengiktirafan sebaliknya memberikan perakuan Akreditasi terhadap program pengajian yang ditawarkan oleh PPT. Pengiktirafan terhadap program terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA: DATUK HAJAH NORIAH BINTI MAHAT

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Hajah Noriah binti Mahat minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah sekolah satu sesi di seluruh negara akan dilaksanakan dan apakah kekangan bagi pelaksanaannya serta cara-cara mengatasinya.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menetapkan satu inisiatif dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 untuk melaksanakan persekolahan satu sesi secara berperingkat-peringkat. Pada masa kini, KPM sedang melaksanakan *baseline study* bagi menukarkan sekolah padat menjadi sekolah satu sesi. Kekangan utama dalam melaksanakan sekolah satu sesi ialah:

- a) Peruntukan yang tinggi untuk menambah bilangan bilik darjah;
- b) Masalah pengambilan tanah untuk membina bangunan tambahan, terutama di kawasan bandar;
- c) Kawasan sekolah yang terlalu kecil yang tidak boleh menampung bilangan murid yang ramai; dan
- d) Terdapat tuntutan ibu bapa supaya anak mereka mengikuti Sekolah Agama yang dikelolakan oleh Kerajaan Negeri.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA: DATO' BOON SOM A/L INONG

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Boon Som a/l Inong minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pendeposit Skim Simpanan Pendidikan Nasional dan jumlah yang didepositkan sejak skim itu diperkenalkan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) merupakan satu instrumen simpanan yang direka khas oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk ibu bapa menabung bagi tujuan pembiayaan pendidikan tinggi anak-anak. SSPN-i akan membantu ibu bapa mengatasi masalah dan kesulitan kewangan apabila anak-anak mereka diterima masuk ke institusi pengajian tinggi (IPT).

Untuk makluman, rekod sehingga 31 Oktober 2013 menunjukkan sebanyak RM988.22 juta deposit telah berjaya dikumpulkan melibatkan bilangan pembukaan akaun sebanyak 1.79 juta dan pendeposit seramai 1.28 juta orang.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA: PUAN CHEW LEE GIOK

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah bilangan sekolah swasta bagi peringkat sekolah rendah, dan sekolah menengah, apakah kategori sekolah swasta.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bilangan sekolah rendah swasta ialah 108 buah meliputi kategori sekolah rendah akademik, sekolah rendah antarabangsa dan sekolah rendah agama. Manakala bilangan sekolah menengah swasta ialah 170 buah yang meliputi kategori sekolah akademik, sekolah menengah persendiriaan China, sekolah menengah antarabangsa, sekolah menengah agama dan sekolah menengah correspondence. Di samping itu, terdapat juga sekolah swasta yang menawarkan pendidikan rendah hingga menengah iaitu sebanyak 99 buah meliputi kategori sekolah expatriate, sekolah antarabangsa dan sekolah pendidikan khas.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN NEGARA**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA: DATUK HAJI YUNUS BIN HAJI KURUS****JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS**

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Program Pemantapan Profession Guru akan dilaksanakan di Sabah dan bagaimanakah tahap keberkesanan program ini, diukur.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Program Pemantapan Profesion Guru untuk meningkatkan dan memantapkan kualiti semua guru termasuklah guru di Sabah. Program latihan yang dilaksanakan adalah melalui penganjuran dan pelaksanaan kursus di bawah skim Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP). Sehingga kini, sejumlah 17 program utama yang melibatkan 45 jenis kursus dan aktiviti yang telah dirancang untuk dilaksanakan kepada semua guru dalam perkhidmatan bagi tahun 2013. Dalam tempoh tersebut, sejumlah 10,283 kursus telah dirancang untuk dilaksanakan kepada 233,731 guru di seluruh negara termasuklah di negeri Sabah bagi meningkat dan memantapkan kompetensi, kualiti dan profesionalisme guru di peringkat rendah dan menengah. Kursus tersebut dilaksanakan menggunakan mod berpusat, *on-site* dan *school-based*.

Selain daripada itu, KPM turut melaksanakan proses penambahbaikan secara berterusan terhadap semua kursus LDP yang dilaksanakan bagi memastikan kesemua kursus yang diikuti oleh guru mencapai matlamat yang ditetapkan dan berkesan serta memberikan impak dalam menentukan keberhasilan murid. KPM melaksanakan mekanisme pengukuran keberhasilan kursus melalui kaedah seperti berikut:

- a) Soal-selidik keberkesanan program;
- b) Kajian impak dalam bilik darjah setelah tiga (3) bulan guru menghadiri program LDP; dan
- c) Tinjauan dan temu bual dalam kalangan peserta dan fasilitator kursus.

KPM akan meneruskan program latihan kepada semua guru agar kompetensi, kualiti dan profesionalisme guru akan sentiasa ditingkatkan sejajar dengan perkembangan dan perubahan era pendidikan global masa kini.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN NEGARA**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA: DATO' SYED IBRAHIM BIN KADER****JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS**

Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelajar-pelajar yang menuntut di bawah skim 'MyMaster' dan 'Mybrain PhD' sering mendapat pembayaran yang lewat. Ini menyebabkan mereka menghadapi kesukaran untuk meneruskan pengajian mereka. Apakah langkah Kementerian dalam mengatasi perkara ini.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Program *MyBrain15* merupakan satu program pembiayaan pengajian di peringkat pasca ijazah dan menjadi salah satu projek agenda kritikal di bawah Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Matlamat program adalah untuk mewujudkan kelompok sumber manusia yang berpengetahuan tinggi sebagai pemangkin kepada penyelidikan, pembangunan dan inovasi.

Pembayaran yuran kepada pelajar tajaan *MyMaster*, *MyPhD* dan *MyPhD* Industri, akan diproses dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh terima invois dari institut pengajian tinggi (IPT). Manakala untuk bayaran elaun sara hidup (ESH) Program *MyPhD* bagi orang awam yang tidak bekerja, pembayaran ESH akan diproses dalam tempoh dua (2) bulan daripada tarikh surat tawaran. Kelewatan pembayaran ESH berlaku kerana pelajar lewat mengemukakan dokumen yang lengkap kepada Kementerian. Oleh yang demikian, Kementerian sentiasa mengingatkan kepada pelajar supaya mengemukakan dokumen lengkap dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh surat tawaran. Kelewatan pelajar berbuat demikian mengakibatkan kelewatan pembayaran ESH.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN NEGARA**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA: Y.B. DR. ARIFFIN BIN S.M. OMAR****JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS**

Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan sedang diambil untuk mengatasi kekurangan buku-buku teks yang terkini dalam bahasa Malaysia dalam bidang-bidang seperti biotech, kejuruteraan, perubatan dan lain-lain bidang penting dalam Universiti-universiti tempatan di negara ini dan sejauh manakah tindakan yang diambil dapat mengatasi masalah kekurangan buku-buku teks dalam bahasa Malaysia.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi mengatasi kekurangan buku teks bahasa Melayu dalam pelbagai bidang ilmu termasuk bidang sains dan teknologi, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah melaksanakan Program Penerbitan Berpakej. DBP telah mengenal pasti 300 bidang, sub-bidang dan sub-sub-bidang ilmu yang perlu diolah dalam bentuk buku. Panel pakar penulis menurut bidang telah ditubuhkan dengan penglibatan 1000 orang penulis bagi membantu DBP mengatasi kekurangan buku ilmu.

Sejak digerakkan mulai Januari 2013 sehingga 30 Oktober 2013, DBP telah mewujudkan 85 panel pakar bidang iaitu 17 Sains dan Teknologi, 16 Sains Sosial dan Kemanusiaan, 5 Falsafah dan Tamadun Islam, 22 Bahasa, 25 Sastera dan seramai 1,523 orang penulis telah berdaftar untuk mengikuti program penerbitan berpakej. Sehingga kini, sebanyak 284 manuskrip telah diterima untuk diterbitkan dan program ini akan berterusan hingga tahun 2020 dengan unjuran 10,000 judul buku.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA: YB PUAN HAJAH KHAIRIAH BINTI MOHAMED

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan lulusan ijazah sarjana muda daripada universiti tempatan dan bangsa mengikut jurusan yang kritikal seperti perubatan, farmasi, ekonomi, perakaunan, undang-undang, kejuruteraan bagi tahun 2008 hingga 2012.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan sistem kajian pengesanan graduan jumlah pelajar lulusan Ijazah Sarjana Muda di institusi pengajian tinggi awam dari tahun 2008 hingga tahun 2012 mengikut jurusan kritikal seperti perubatan 3,447 orang, farmasi 1,538 orang, ekonomi 5,926 orang, perakaunan 10,554 orang, perundangan 5,340 orang dan kejuruteraan 39,480 orang. Manakala, di institusi pengajian tinggi swasta pula jumlah pelajar jurusan perubatan adalah seramai 3,438; farmasi 1,925; ekonomi 614; perakaunan 8,316; perundangan 1,627; dan Kejuruteraan 17,718.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA: YB PUAN HAJAH KHAIRIAH BINTI MOHAMED

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pelajar di Tadika KEMAS dan pra persekolahan di sekolah-sekolah rendah mengikut negeri serta penyelarasan skop tugas antara kedua-duanya.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bilangan murid Tadika KEMAS berumur 4+ dan 5+ adalah seramai 175,872 orang manakala bilangan pelajar murid prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang berumur 4+ dan 5+ adalah seramai 191,721 orang. Perincian bilangan pelajar prasekolah KEMAS dan KPM mengikut negeri adalah seperti berikut :

BIL	NEGERI	KPM	KEMAS	JUMLAH
1	JOHOR	20055	17743	37798
2	KEDAH	12916	15623	28539
3	KELANTAN	15925	15560	31485
4	MELAKA	5179	5171	10350
5	N SEMBILAN	6233	7376	13609
6	P. PINANG	7390	5272	12662
7	PAHANG	15953	13418	29371
8	PERAK	17258	11717	28975
9	PERLIS	2520	2001	4521
10	SABAH	24248	23062	47310
11	SARAWAK	26210	15766	41976
12	SELANGOR	22169	22150	44319
13	TERENGGANU	10268	15181	25449
14	WP KLUMPUR	3847	4735	8582
15	WP LABUAN	669	415	1084
16	WP PUTRAJAYA	881	682	1563
	JUMLAH	191721	175872	367593

KPM merupakan peneraju pelaksanaan pendidikan prasekolah dalam Sub-NKRA Prasekolah di bawah NKRA Pendidikan 2010-2012 dan ia masih diteruskan dalam pelaksanaan PPPM 2013-2025. Antara peranan KPM sebagai peneraju dalam penyelarasan skop tugas antara agensi adalah seperti berikut:

- a) Merancang dan menyelaras **peningkatan kualiti** pendidikan prasekolah dari aspek kurikulum, infrastruktur, guru dan pembantu pengurusan murid.
- b) Merancang dan menyelaras pelaksanaan pendidikan prasekolah **antara agensi pelaksana** (KPM, KEMAS, JPNIN).
- c) Merancang dan menyelaras **kempen dan promosi** pendidikan prasekolah.
- d) Mengenal pasti aspek **kecemerlangan pendidikan** prasekolah dari segi pengurusan organisasi, pengajaran dan pembelajaran serta perkembangan murid.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA: YB TAN SRI DR. KOH TSU KOON

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan angka bilangan pelajar yang memohon dan menerima tawaran kemasukan ke semua IPTA dan IPTS dalam negeri, mengikut kaum, bagi tahun 2004, 2009 dan 2013. Berapakah peruntukan kewangan yang diberikan oleh Kerajaan bagi semua IPTA bagi tiga tahun tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah pelajar yang memohon dan menerima tawaran untuk melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mengikut kaum bagi tahun 2004, 2009 dan 2013 adalah seperti berikut:

TAHUN 2004		
KAUM	BILANGAN CALON MEMOHON	PERATUS CALON DITAWARKAN
BUMIPUTERA	63,603	39%
CINA	16,501	71%
INDIA DAN LAIN-LAIN	5,862	39%
JUMLAH	85,966	45%

TAHUN 2009		
KAUM	BILANGAN CALON MEMOHON	PERATUS CALON DITAWARKAN
BUMIPUTERA	43,922	63%
CINA	12,645	80%
INDIA DAN LAIN-LAIN	4,460	54%
JUMLAH	61,027	66%

TAHUN 2013		
KAUM	BILANGAN CALON MEMOHON	PERATUS CALON DITAWARKAN
BUMIPUTERA	50,560	61%
CINA	12,065	66%
INDIA DAN LAIN-LAIN	6,077	45%
JUMLAH	68,702	61%

Jumlah pelajar yang menerima tawaran kemasukan ke institusi pengajian tinggi swasta bagi tahun 2004 adalah seramai 169,834, tahun 2009 seramai 168,677 dan tahun 2013 seramai 93,353 orang.

Untuk makluman, peruntukan kewangan yang diberikan kepada IPTA bagi tahun 2004, 2009 dan 2013 adalah terdiri daripada peruntukan mengurus sebanyak RM18,689,579,700.00 dan peruntukan pembangunan IPTA sebanyak RM5,794,071,068.00.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA: Y.B. DATUK MEGAT ZULKARNAIN BIN TAN SRI OMARDIN

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk menyediakan dana khas melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) bagi perkhidmatan pengawal keselamatan lalu lintas bagi kemudahan sekolah.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan Akta Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) yang telah diluluskan pada tahun 1998, peranan PIBG adalah untuk membantu pihak sekolah meningkatkan prestasi akademik murid. Tiada peruntukan khusus disediakan oleh pihak kerajaan kepada setiap PIBG. Hal yang sedemikian disebabkan adalah menjadi tanggungjawab PIBG untuk membantu pihak sekolah dengan menyediakan dana tambahan bagi membantu pelaksanaan aktiviti dan program berdasarkan keperluan di sekolah masing-masing.

Buat masa ini, KPM sedang meneliti cadangan untuk melantik Pengawal Keselamatan sedia ada sebagai Pengawal Lintasan Sekolah dengan membuat penambahan bidang tugas tersebut dalam skop perkhidmatan. Kementerian juga sedang mendapatkan pandangan dari Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia berkenaan kadar harga yang bersesuaian bagi seorang Pengawal Keselamatan yang akan dilantik sebagai Pengawal Lintasan Sekolah.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA: Y.B. DATUK MEGAT ZULKARNAIN BIN TAN SRI OMARDIN

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah sekolah rendah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan yang mempunyai padang sendiri di Daerah Gombak yang boleh diguna pakai oleh belia-belia setempat untuk bersukan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi daerah Gombak sebanyak 85 daripada 104 buah sekolah menengah dan rendah mempunyai padang bersaiz yang boleh memuatkan trek 200 meter atau lebih. Bagi sekolah yang tidak mempunyai padang atau kurang prasarana dalam menjalankan aktiviti sukan, sekolah akan berusaha menggunakan kemudahan prasarana yang disediakan di kawasan persekitaran setempat.

Orang awam termasuk golongan belia boleh membuat permohonan secara bertulis kepada Guru Besar atau Pengetua untuk mendapat kelulusan menggunakan kemudahan prasarana sekolah termasuk padang. Langkah ini penting bagi memastikan aspek keselamatan dan kebersihan sentiasa diberi keutamaan oleh semua pihak yang berkepentingan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA: Y.B. DATUK SERI MOHD ALI BIN
MOHD RUSTAM**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mensyaratkan buku Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah sebagai antara buku teks sejarah dalam mata pelajaran Sejarah di sekolah-sekolah bagi memperkukuhkan jati diri rakyat Malaysia.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak bercadang untuk mensyaratkan buku Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah sebagai buku teks Sejarah. Tetapi buku-buku tersebut telah dicadangkan sebagai teks rujukan dalam mata pelajaran Sejarah dalam tajuk-tajuk yang berkaitan dengan Sejarah Kesultanan Melayu Melaka. Contohnya kedua-dua buku ini telah dijadikan teks rujukan dalam tajuk Tokoh-tokoh Terbilang Kesultanan Melayu Melaka dalam mata pelajaran Sejarah Tahun 4 yang bermula pada tahun 2014.